

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK SHAHABUDDIN BIN SABU,  
TUKANG SENI WARISAN KERIS  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGIAT SENI  
WARISAN KERIS**

**NURUL SYAZWANIE BINTI MOHD SOFIAN**

**(2020964683)**

**NUR FARAHHIN BINTI ABU HASSAN**

**(2020981013)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021**



## ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
<i>Roman Numerals</i>	Abstrak	i-ii
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v-xii
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	7-10
	3.1 Pengenalan	
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	
4.0	Kajian Literatur	11-15
	4.1 Topik 1	
	4.2 Topik 2	
5.0	Transkrip Tembual Bersama Tokoh	16-99
6.0	Log Temubual	100-107
7.0	Ralat	108-109
8.0	Glosari	110-117
9.0	Indeks	118-130
10.0	Bibliografi	131-138
11.0	Lampiran	139
	11.1 Biografi Tokoh	140-141
	11.2 Surat Perjanjian	142
	11.3 Senarai Soalan	143-147
	11.4 Diari Penyelidikan	148-151
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	152-157

## ABSTRAK

*Transkrip ini membincangkan pengalaman seorang tokoh yang merupakan tokoh warisan seni yang telah melibatkan diri beliau di dalam bidang keris sejak muda dek kerana minat beliau terhadap seni keris ini. Sejak zaman dahulu, kewujudan keris adalah merupakan salah satu karya seni yang terhebat di mana secara langsung ianya turut serta dianggap sebagai salah satu khazanah budaya yang cukup istimewa di dalam kalangan bangsa Melayu di segenap Nusantara. Dengan penyebaran keris yang meluas ke serata Nusantara, ia telah membawa kepada terlahirnya pelbagai jenis keris yang diperlihatkan sebagai satu perkara yang kreatif daripada segi pembuatannya. Di samping itu, dalam menyentuh sedikit mengenai latar belakang tokoh yang telah memberikan perkhidmatan dan pelbagai sumbangan, projek sejarah lisan ini akan berusaha menungkai kebenaran sepanjang penglibatannya mengenai penggunaan dan pembuatan keris itu tersendiri. Tambahan itu, selaras dengan objektif kajian tujuan ini dijalankan secara tidak langsung kajian turut akan berusaha mengupaskan mengenai pengalaman pahit, manis mahupun mistik yang pernah dihadapi oleh tokoh tersebut serta pandangan beliau terhadap isu-isu mengenai keris di dalam dasawarsa ini. Selanjutnya, sepanjang projek sejarah lisan ini, turut terselit pengharapan kepada para masyarakat di luar terutamanya kepada generasi masa kini dan akan datang dengan harapan bahawa akan menjumpai tokoh-tokoh yang telah menyumbang dan menjadikan pengalaman hidup tokoh-tokoh itu sebagai pengajaran dan panduan yang lebih memberi inspirasi di dalam kehidupan.*

Kata kunci: Keris, warisan seni, tokoh, aset lisan, budaya.

## ABSTRACT

*This transcript discusses the experience of a figure who is an art heritage figure who has been involved in the field of kris since his youth due to his interest in the art of keris. Along with its long history, the keris has been considered one of the finest works of art in which it has directly participated, as well as one of the cultural assets that are quite unique among the Malays throughout the whole archipelago, dating back thousands of years. daggers somehow have become widely available across the archipelago, resulting in the development of several varieties of daggers that are considered to be innovative in terms of manufacture. Moreover, by delving a bit deeper into the background of the individual who has offered services and varied contributions, this oral history project will attempt to uncover the truth about the usage and production of the dagger itself throughout his engagement. Apart from that, in line with the objective of this study, the study will also seek to explore the bitter, sweet and mystical experiences faced by the figure as well as his views on issues on the dagger in this decade. On the whole there is also hope for the outside community throughout this oral history project, particularly for the present and future generations, with the hope that they will be able to identify the figures who have made a significant contribution and use their life experiences as more enlightening learning and help lead encouragement in their daily lives.*

Keywords: Keris, art heritage, daggers, figures, oral, cultural asset.

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurniaannya, kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip kami dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan tugas ini sehingga selesai

Kami juga dengan rendah diri ingin merakamkan dan mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan sepenuhnya bimbingan terhadap tugas ini. Melalui tunjuk ajar dan sokongan daripada beliau kami telah dapat melaksanakan segala tugas kami dengan jayanya.

Di samping itu, kami turut ingin memberikan penghargaan kepada Encik Shahabudin bin Sabu sebagai tanda ucapan ribuan terima kasih kerana beliau sudi ditemu ramah oleh kami dan telah bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugas kami sekali gus berkongsi tentang pengalaman dan kisah kehidupan beliau sepanjang penglibatan beliau dalam warisan kesenian keris ini. Tanpa kesudian dan kerjasama daripada beliau semestinya kami tidak mampu melaksanakan tugas ini dengan sebaik-baiknya.

Akhir kata, tidak dilupakan juga penghargaan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga serta kedua ibu bapa yang telah membantu kami dengan memberikan pelbagai kemudahan, nasihat serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
TV	Televisyen
UPM	Universiti Putra Malaysia
FB	Facebook
WD-40	Water Displacement 40th Formula

## **SENARAI SINGKATAN**

NFAH : Nur Farahin binti Abu Hassan

NSS : Nurul Syazwanie binti Mohd Sofian

SS : Shahabuddin bin Sabu

## RUJUKAN KATA

Ajaq	Ajar
Amik	Ambil
Antaqa	Antara
Apadia	Apakah
Aqah	Arah
Aqang	Arang
Asai	Asal
Ataih	Atas
Awai	Awal
Awat	Kenapa
Ayaq	Air
Bagi	Beri
Bagitau	Beritahu
Bakaq	Bakar
Baqan	Baran
Baqang	Barang
Baqu	Baru
Baqu	Baru
Bawak	Bawa
Bekaqat	Berkarat
Belajaq	Belajar
Beqani	Berani
Beqapa	Seberapa
Berpeqang	Berperang
Besa	Biasa
Besaq	Besar
Besaqkan	Besarkan
Betui	Betul
Biaq	Biar



Bubuh	Letak
Buh	Letak
Bukak	Buka
Campoq	Campur
Camtu	Macam itu
Caqa	Cara
Caqi	Cari
Cena	Bagaimana
Ceni	Begini
Centu	Begitu
Ceqah	Cerah
Ceqita	Cerita
Dah	Sudah
Dak	Tidak
Dapoq	Dapur
Daqi	Dari
Daun setoi	Daun setul
Dengaq	Dengar
Depa	Mereka
Dijuai	Dijual
Dioqang	Diorang/mereka
Diqi	Berdiri
Dok	Sedang
Dok	Duduk
Duqian	Durian
Ekoq	Ekor
Gambaq	Gambar
Gitu	Begitu
Gutu	Begitu
Ha	Ya

Habih	Habis
Hang	Kamu
Hantaq	Hantar
Haqi	Hari
Haqitu	Hari itu
Hat	Yang
Heqan	Hairan
Himpun	Kumpul
Hok	Yang
Ja	Sahaja
Jaqang	Jarang
Jaqi	Jari
Jenuh	Puas
Juai	Jual
Jugak	Juga
Ka	Adakah
Kaih	Tarik/cepat
Kalih	Pusing
Kan	Bukan
Kaqat	Karat
Kat	Di
Kecik	Kecil
Keluaq	Keluar
Kenai	Kenal
Kenduqi	Kenduri
Kepok	Patah
Keqana	Kerana
Keqas	Keras
Keqenah	Kerenah
Keqih	Keris

Keqingkan	Keringkan
Keqis	Keris
Keraih	Keras
Ketui	Ketul
Ketuqunan	Keturunan
Kikiaq	Kikir
Kiqa	Kira
Kiqanya	Kiranya
Kiqi	Kiri
Komunih	Komunis
Koqek	Gali
Kot	Mungkin
Kuqang	Kurang
La	Sekarang
La ni	Sekarang ini
Lagu tu	Macam itu
Laguni	Macam ini
Layoq	Layur
Leboq	Lebur
Lekang	Berpisah
Lekeh	Biasa
Lepaih	Lepas
Lepastu	Selepas itu
Libukin	Lubricant
Luaih	Luas
Luaq	Luar
Luqah	Lurah
Luruih	Lurus
Mahai	Mahal
Mai	Mari

Maqah	Marah
Mau	Mahu
Membawak	Membawa
Meqah	Merah
Meqiam	Meriam
Modai	Modal
Muhung	Menipu
Muqah	Murah
Negeqi	Negeri
Ngam-ngam	Cukup-cukup
Ni	Ini
Noh	Ya
Nu	Itu
Oqang	Orang
Oqen	Oren
Paqang	Parang
Paqah	Paruh
Pasai	Kenapa
Pasai	Tentang
Pasai apa	Mengapakah?
Pastu	Selepas itu
Pekan	Bandar
Pelan	Perlahan
Penah	Pernah
Penaikkan	Menaikkan
Penawaq	Penawar
Peqak	Perak
Peqang	Perang
Peqasan	Perasan
Peqasan	Perasan

Peqatoih	Peratus
Perbetui	Perbetul
Pi	Pergi
Pikiaq	Fikir
Piston	Pistol
Pulak	Pula
Pulak	Sekali lagi
Qamai	Ramai
Qambut	Rambut
Qampas	Rampas
Qanting	Ranting
Qasa	Rasa
Qasanya	Rasanya
Qatoih	Ratus
Qatusan	Ratusan
Qega	Harga
Qeja	Kerja
Qempah	Rempah
Qentas	Rentas
Qibut	Ribut
Qimba	Rimba
Qumah	Rumah
Rukuq	Rukuk
Sabit	Sebab
Saja	Sahaja
Sampiaq	Sampan
Sapa	Siapa
Saqong	Sarung
Saqung	Sarung
Sat	Sebentar

Satgi	Nanti
Satgi	Sebentar lagi
Sebenaq	Sebenar
Sebenaqnya	Sebenarnya
Sedaq	Sedar
Sehaqi	Sehari
Sekaqang	Sekarang
Sekuqang-kuqangnya	Sekurang-kurangnya
Seluaq	Seluar
Semayang	Sembahyang
Sendiqi	Sendiri
Seqatoih	Seratus
Seqibu	Seqibu
Seqonok	Seronok
Sequnai	Serunai
Setaun	Setahun
Suqat khabaq	Surat khabar
Suquh	Suruh
Syoq	Seronok
Taik	Sisa
Tak yah	Tidak perlu
Takat	Setakat
Takdak	Tak ada
Takleh	Tak boleh
Takmau	Tak mahu
Taknak	Tak mahu
Takpa	Tidak mengapa
Tang	Di
Taqik	Tarik
Tau	Tahu

Tauk	Buang
Taun	Tahun
Tawaq	Tawar
Teloq	Telur
Teqebang	Terbang
Teqejun	Terjun
Teqingat	Teringat
Teqoih	Terus
Terawai	Terawal
Terbaqu	Terbaru
Tetak	Memotong
Tetiba	Tiba-tiba
Tiau	Meresap
Tidoq	Tidur
Timoq	Timur
Timpa	Hempap
Tok	Datuk
Tok-Nyang	Nenek moyang
Tu	Itu
Tulih	Tulis
Tup-tup	Tiba-tiba
Tuqun	Turun
Umoq	Umur
Utaqa	Utara
Waqisan	Warisan
Yaka	Betul ke?

## **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**



## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



Nama	Nur Farahin binti Abu Hassan
Tarikh Lahir	29 September 2021
Tempat Lahir	Hospital Besar Kuala Lumpur
Alamat	110, Taman Sri Aman, Jln 5/6 Anak Bukit, 06550, Alor Setar, Kedah.
No. Telefon	011-11850471
Emel	farahinhassan8@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



Nama	Nurul Syazwanie binti Mohd Sofian
Tarikh Lahir	16 November 1999
Tempat Lahir	Hospital Kulim
Alamat	1269, Lorong Kenari 4/3A, Taman Kenari, 09000, Kulim, Kedah.
No. Telefon	011-33118492
Emel	nurulsyazwanie679@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

## **2.0 BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



Nama	Shahabuddin bin Sabu
Nama samaran	Che Din
Tarikh lahir	16 Mei 1977
Alamat	SBS Karya kraf , No. 46C, Jalan Bintong Kurung Batang, Kampung Padang Kota, 01000 Kangar, Perlis.
No telefon	017-5448747
Emel	-
Profesion	Tukang ukiran kayu dan keris
Bidang	Pertukangan dan senjata Melayu

## 2.2 Pengenalan kepada tokoh

Encik Shahabuddin bin Sabu, 45, merupakan seorang tokoh warisan kesenian dalam bidang Keris Melayu. Beliau telah dilahirkan pada tahun 16 Mei 1977 dan beliau berasal dari Kangar, Perlis. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Che Din Tukang Keris di SBS Karya kraf. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan dua orang cahaya mata lelaki dan perempuan.

Che Din secara tidak langsung telah dipilih sebagai tokoh warisan kesenian keris ini berdasarkan beberapa kriteria yang telah menepati dengan ciri-ciri yang dikehendaki. Hal ini dapat dijelaskan dengan, kami mendapati bahawa Che Din telah berkecimpung dalam bidang warisan kesenian Keris ini melebihi 32 tahun lalu sejak di bangku sekolah melalui pengaruh daripada rakan-rakan sebaya serta orang kampung beliau sendiri. Selepas dari itu, Che Din telah meluaskan minat beliau dengan mempelajari secara lebih terperinci mengenai cara pembuatan Keris dan Hulu Keris melalui guru-guru keris yang terdapat di kampung halaman beliau. Tidak lama selepas itu, Che Din telah ditawarkan untuk menyertai kumpulan Kraf tangan Kedah. Dengan penawaran ini, beliau telah mendapat peluang untuk mengukuhkan bakat beliau dengan mempelajari dengan lebih mendalam di Pusat Pembuatan Keris di Kuantan, Pahang.

Pada tahun 2017, beliau telah menceburi bidang perniagaan pembuatan Keris di sekitar kampung halaman beliau dan perniagaan tersebut telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak. Melalui perniagaan ini, beliau turut mendaftarkan perniagaan beliau di dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu pada tahun 2019. Kini, beliau masih lagi aktif dalam bidang warisan kesenian keris Melayu.

### **3.0 SEJARAH LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Definisi penyelidikan sejarah ialah penyusunan yang membabitkan kajian dan penilaian data yang berkaitan peristiwa yang terjadi pada masa lampau. Ia mengkaji punca, kesan ataupun corak peristiwa dan secara tidak langsung menganalisis apa yang berlaku sekarang, seterusnya membuat ramalan apa yang bakal berlaku pada masa akan datang melalui kajian (Ismail Kailani & Abdul Hadi Bin Shapiai, n.d.). Hal ini dapat dikaitkan bahawa dalam membuat penyelidikan dan pengkajian sejarah, para sejarawan pasti akan menggunakan sejarah lisan, bukannya hanya merujuk kepada sumber primer ataupun sumber bertulis yang sedia ada sahaja. Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi serta seterusnya amat penting dalam mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh seseorang (Seow Han Lin, 2020).

Seterusnya, definisi sejarah lisan ini turut disokong oleh sumber lain di mana sejarah lisan merupakan kajian yang dapat menyimpan data masa lampau walaupun tempoh masa dan peristiwa telah berlalu. Ia wujud dalam waktu berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden yang bersesuaian dengan perkara-perkara yang semakin kompleks seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden (Siti Roudhah Mohammad Saad et al., 2012). Selain itu, sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Sebagai tambahan, sejarah lisan juga adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21 (Isahak Bin Haron, Zaiton Osman, Nik Safiah Bt Abdul Karim, Rahmah Bt Bujang, & Khoo Siew Mun, 2011). Sejarah lisan ini juga membantu dalam kajian kearifan warisan ini sebagai sumber maklumat yang sangat penting dan ia juga perlu didokumentasikan agar sejarah tersebut tidak dilupakan begitu sahaja di masa akan datang.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

Penulisan sejarah lisan adalah penting kerana ia merupakan satu sumber yang boleh dirujuk atau digunakan untuk tujuan penyelidikan sesuatu topik atau peristiwa. Antara objektif sejarah lisan ini diadakan adalah untuk:

- Untuk mengkaji kehilangan kearifan tradisi keris kepada generasi kini dan akan datang
- Untuk merungkai kepercayaan masyarakat tentang fungsi keris sebagai alat perubatan tradisional.
- Untuk mengkaji kepentingan penghayatan warisan kesenian keris dalam diri generasi baru

### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Sejarah lisan merupakan sumber yang amat penting khasnya dalam membawa pensejarahan masyarakat kita kepada masyarakat luar. Hal ini disokong oleh sumber dari Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007, bahawa sejarah lisan sangat berguna kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Di Malaysia sungguhpun tradisi bertulis berkurangan tetapi ia kaya dengan tradisi lisan. Peluang untuk merakamkan warisan ini boleh dilaksanakan melalui projek Sejarah Lisan. Hal ini juga turut disokong bahawa ia juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang ditemubual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah (Nur Shima, 2019). Oleh itu, terbukti bahawa sejarah lisan merupakan sumber yang penting untuk memelihara nilai sejarah serta secara tidak langsung memperkenalkan sejarah kita kepada masyarakat dan negara luar.

Selain itu, sejarah lisan juga amat penting untuk membolehkan masyarakat memperingati sejarah agar tidak dilupakan begitu sahaja dari semasa ke semasa. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, Kecenderungan ini dinyatakan perlu memandangkan banyak peristiwa yang terjadi padamasa kini semakin mudah dilupakan dan hilang sebagai bukti sejarah kerana perubahan zaman bukan sahaja membangunkan teknologi baharu, tetapi juga mengubah orientasi kehidupan manusia (Sugeng Priyad et al., 2020). Jelaslah



bahawa, sejarah lisan amat signifikan didokumentasikan agar masyarakat kita sentiasa memperingati sejarah walaupun menjalani perubahan zaman yang semakin moden ini.

Di samping itu, peranan sejarah lisan boleh dikatakan amat penting untuk membina semua peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah hilang kerana dimusnahkan oleh penjajah. Hal ini dapat dilihat pada peristiwa pendudukan Jepun di tanah air kita apabila mereka menguasai Tanah Melayu, segala kebaikan dan kehebatan orang Melayu dipalsukan dan sejarah kita telah dihapuskan agar tidak diketahui oleh anak cucu (Seow Han Lin, 2020). Maka jelaslah bahawa, sejarah lisan amat penting untuk didokumentasikan sebagai bukti sejarah yang bermakna untuk tanah air serta menjaga keadilan sejarah warisan kita agar tidak dipijak-pijak oleh masyarakat lain.

Akhir sekali, kepentingan sejarah lisan juga untuk meningkatkan kegiatan penyelidikan sejarah yang dijalankan oleh para sejarawan. Sebagai contoh, kajian sejarah dilihat menarik jika para sejarawan menerokai peristiwa-peristiwa bersejarah terhadap tokoh tersebut. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan para sejarawan haruslah merujuk kepada sejarah lisan juga, bukannya hanya melihat kepada dokumen-dokumen dan sumber primer semata-mata. Dengan melihat kepada sumber yang pelbagai inilah, barulah ia dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan sejarah yang lebih objektif, eksklusif dan menyeluruh (Seow Han Lin, 2020).

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

## 4.0 KAJIAN LITERATUR

### 4.1 Topik 1

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005) kami mendapati bahawa pengertian warisan telah membawa definisi warisan itu sendiri sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ini bermaksud setiap perilaku atau kreativiti mereka perlu dimiliki dan diterima oleh setiap masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu. Pengertian yang sama ini turut dibahaskan oleh Jabatan Warisan Negara (2015) yang membawa kefahaman yang sama mengenai definisi warisan. Tambahan itu, hal ini turut disokong definisi yang dikemukakan di dalam Akta 179 Harta Benda Purba, 1976 yang menyatakan apa jua tinggalan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Oleh hal yang demikian, berdasarkan definisi di atas ianya jelas menunjukkan bahawa warisan adalah merupakan satu peninggalan daripada generasi terdahulu kepada generasi masa kini (Yuszaidy Mohd Yusuff, 2011). Dengan itu, kita jelas mengetahui bahawa sesuatu warisan itu perlu diwarisi dan dikekalkan demi memastikan warisan tersebut akan sentiasa menggambarkan cara hidup dan sesuatu jati diri bangsa sesebuah masyarakat.

Di Malaysia, warisan budaya telah terdiri daripada pelbagai jenis bentuk dan struktur di mana hal ini telah berlaku disebabkan oleh wujudnya kepelbagaian daripada setiap bangsa dan etnik yang terdapat di Malaysia. Secara amnya, kepelbagaian bentuk falsafah, lambang budaya telah menjadi suatu asas dalam warisan budaya di Malaysia (Yuszaidy Mohd Yusuff, 2011). Oleh hal yang demikian, warisan budaya ini dapat dibahagikan kepada dua kategori di mana dalam hal ini ianya dapat ditakrifkan sebagai warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Hal ini dapat dikupas dengan lebih mendalam berdasarkan pembacaan daripada laman sesawang Jabatan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2015), di mana warisan ketara adalah merupakan sesuatu perkara yang kekal dapat dilihat dan dipegang sama ada secara statik mahupun mudah alih manakala warisan tidak ketara membawa pengertian ilmu dan kepakaran yang ditafsirkan melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Justifikasinya, hal ini dapat dikaitkan dengan kajian yang bakal dijalankan oleh kami di mana ianya adalah berunsurkan warisan budaya ketara iaitu berunsurkan warisan seni Keris Melayu.

Seni adalah merupakan suatu proses dan produk yang terlahirnya daripada kemahiran manusia, imaginasi dan ciptaan iaitu sesuatu yang berlawanan dengan sifat semula jadinya (Nicholls, 1997). Di dalam hal ini juga, seni itu tersendiri turut diperlihatkan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan secara tidak langsung ianya meliputi perkara seperti kesusasteraan, muzik, drama, lukisan dan ukiran (Nicholls, 1997). Selain itu, hal ini turut dapat diperkukuhkan dengan pendefinisian daripada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2012) di mana seni adalah diperlihatkan sebagai sesuatu yang dicipta dengan bakat iaitu hasil daripada sesuatu ciptaan. Oleh hal yang demikian, seni ini tersendiri dapat dibahagikan kepada beberapa kategori contohnya seperti seni suara, seni gerak, seni rupa dan juga permainan tradisional. Dengan itu, berdasarkan kajian yang bakal dijalankan kami telah memfokuskan untuk menjalankan kajian berdasarkan warisan seni dari seni rupa iaitu seni ukir Keris Melayu.

#### **4.2 Topik 2**

Pada zaman dahulu, keris adalah merupakan salah satu daripada senjata tradisional yang telah digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional bagi tujuan dalam mempertahankan diri dan peperangan ketika melawan musuh (Schlereth, 1983). Keris didefinisikan sebagai salah satu senjata bermata dua yang tajam dan bilahnya lurus atau berlekuk (Nur Asyikin Mat Hayin, 2018). Berdasarkan sejarah Melayu, keris adalah merupakan salah satu yang asalnya adalah milik dan warisan budaya Melayu (Norain, 2012). Hal ini disebabkan oleh, telah dipercayai bahawa masyarakat Melayu telah menggunakan keris secara meluas di Kepulauan Melayu sejak lebih daripada 600 tahun yang lalu (Norain Ismail, 2012). Tambahan itu, ada pendapat yang menyatakan bahawa keris pertama yang dihasilkan ialah pada abad ke-8 di mana hal ini dapat diperlihatkan pada patung di Candi Suku, Candi Borobudur dan dalam pada masa yang sama ianya turut dapat dikenal pasti di beberapa candi lain seperti di sekitar Jawa Tengah, Indonesia sebelum ianya berkembang secara meluas ke seluruh Nusantara (Nur Asyikin Mat Hayin, 2018). Selain itu, terdapat kajian menyatakan bahawa keris itu tersendiri telah wujud pada abad ke-8 di Pulau Jawa yang di mana ianya secara tidak langsung dapat dibuktikan dengan penemuannya di Candi Borobudur (Yub. S, 2006 and Frey, E. 2009). Selain itu, terdapat juga kepercayaan pada abad ke-14 di mana kerajaan Singasari menemukan suatu patung dewa Siva yang memegang keris panjang pada tangan kanannya (Husin, 2008).

Berdasarkan daripada segala sejarah perjalanan keris ini tersendiri kita jelas memahami bahawa keris bukan sahaja hidup di kalangan bangsa Melayu tetapi ianya turut hidup di setiap Nusantara.

Seterusnya, menurut Edward Frey, keris ialah sejenis alatan yang memberi perlambangan budaya terpenting bagi masyarakat Melayu (Hashim Noor, 2004). Hal ini dapat dijelaskan dengan, wujudnya keris tersendiri adalah merupakan senjata sekali gus membawa kepada suatu karya seni yang bernilai tinggi di mana nilainya terletak kepada keindahan bentuk dan bahan yang dipakai serta proses pembuatannya yang memerlukan jangka masa yang lama, ketekunan dan kekemasan yang khusus (Mahyudin, 2009). Tambahan itu, oleh kerana senjata keris mempunyai suatu nilai budaya yang begitu tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu, senjata tersebut telah dianggap sebagai pelengkap kepada pakaian baju Melayu (Shuhairimi Abdullah, 2014). Oleh hal yang demikian, keris telah mempunyai kedudukan keistimewaan yang tersendiri dalam budaya masyarakat Melayu (Shuhairimi Abdullah, 2014). Namun begitu, walaupun keris telah diangkat sebagai suatu kebanggaan masyarakat terdahulu akan tetapi sehingga masa kini keris hanya tinggal sebagai salah satu alatan pakaian tradisi yang tidak lagi digunakan sebagai senjata (Ibrahim, 2012).

Kita jelas memahami bahawa keris adalah merupakan sejenis alatan yang bukan sahaja menjadi suatu perlembagaan budaya terpenting bahkan ianya turut merupakan satu senjata yang dipergunakan di dalam zaman Melayu terdahulu (Mohamad et al., 2013). Keris menjadi pilihan masyarakat terdahulu kerana ianya mampu membantu memberikan perlindungan dan membantu mereka mempertahankan diri. Hal ini demikian kerana, keris itu tersendiri mempunyai ciri-ciri yang lengkap serta ketajaman yang mampu membantu mencederakan musuh. Namun begitu, dari sudut psikologi, keris itu tersendiri mampu memberikan suatu aura tersendiri seperti menambah keberanian dan kepercayaan diri kepada pemakai bahkan ianya bukan sahaja diperlihatkan sebagai suatu senjata untuk membunuh tetapi ianya juga merujuk kepada darjat dan pangkat (Husin, 2008). Hal ini dapat diperlihatkan dengan, pada zaman dahulu seorang utusan raja dicanggih sah apabila membawa salah satu keris milik raja yang mengutusnyanya (Husin, 2008). Keris itu tersendiri digunakan secara meluas di dalam masyarakat Melayu yang di mana ianya digunakan di hamper seluruh kegiatan pada upacara-upacara rasmi, perkahwinan, kelahiran dan sebagainya (Husin, 2008). Di mana hal ini jelas

menunjukkan bahawa keris bukan sahaja sejenis alatan yang difokuskan untuk membunuh namun ianya mempunyai pelbagai kegunaan tersendiri sekiranya digunakan ke laluan yang tepat. Namun, dasawarsa ini dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi keris secara tidak langsung telah lebih mengembang dengan pesat dan mempunyai sudut pandangan tersendiri serta terlahir menjadi suatu lambing kemegahan akan kedaulatan dan semangat kepada orang Melayu (Husin, 2008).

**5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA  
ENCIK SHAHABUDDIN BIN SABU**

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang warisan kesenian keris. Bersama-sama kami ialah Encik Shahabuddin bin Sabu yang merupakan penggiat seni keris di SBS Karya Kraf. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 Mei 2021 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 5:49 petang secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Syazwanie Binti Mohd Sofian dan Nur Farahin Binti Abu Hassan, dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.**

**NSS : Okey mula noh? Untuk soalan yang awai -- ni kami nak tau pasal latar belakang diri Che Din [Shahabuddin bin Sabu] , pasai nama penuh pastu umuq Che Din sekarang, mana tempat tinggal Che Din [Shahabuddin bin Sabu] dengan tempat lahir, kalau tak keberatan kami nak tanya juga pasal latar belakang keluarga, pasal nama penuh ayah Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ataupun nama penuh ibu dengan bilangan adik-beradik Che Din [Shahabuddin bin Sabu]?**

**SS : Oh boleh. Nama macam sebut tadi bin Sabu (sambal memegang rokok daun dan menggaru mata), Sabu bin Idris pastu mak binti Abdullah tapi kedua-dua tu dah arwah dah la.**

**NSS : Oh, umuq Che Din sekarang? Umuq sekarang?**

**SS : Umuq empat puluh lima [45] tahun. Anak dua [2] orang**

**NSS : Empat puluh lima tahun [45], oh anak dua [2] orang**

**NFAH : Oh! muda lagi.**

**NSS : Bilangan adik-beradik Che Din [Shahabuddin bin Sabu]?**



SS : Adik-beradik ada tiga [3] (sambal memegang rokok daun)

**NSS : Adik-beradik ada tiga [3]. Berapa orang- berapa laki berapa perempuan tu?**

SS : Dua [2] laki sorang perempuan (sambil meletakkan rokok daun pada mulut) kita anak nombor [2] dua (sambil membetulkan kedudukan dan menoleh ke belakang)

**NSS : Okey, Kirin [Nur Farahin Binti Abu Hassan] teruskan soalan.**

**NFAH: Okey, boleh dak Che Din [Shahabuddin bin Sabu] saya nak tau Che Din [Shahabuddin bin Sabu] mendapat pendidikan awai kat mana? Che Din [Shahabuddin bin Sabu] pernah belajaq dekat mana?**

SS : Sekolah Rendah Padang Kota [Kangar,Perlis] (meletakkan rokok daun di mulut).

**NFAH: Lepas tu, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ada melanjutkan pelajaran sampai peringkat tinggi dak?**

SS : Tak dak, setakat sekolah menengah saja (memegang rokok daun sambil menoleh ke belakang dan membuat isyarat tangan)

**NFAH: Sekolah menengah.**

**NSS : Sekolah menengah (mengangguk)**

**NFAH: So [jadi] bidang- bidang keris ni memang Che Din [Shahabuddin bin Sabu] minat ka? Memang-- minatlah?**

SS : Memang kita minatlah (memegang rokok daun).

**NFAH: Okey, boleh kami tau dak Che Din [Shahabuddin bin Sabu] serba sikit macam mana boleh terlahirnya minat tu? Macam mana boleh suka buat benda-benda ni?**

SS : Dia mula-mula tu kita minat. Minat. Bila dah kita minat tu kita rasa nak— memiliki la. Betul dak? Himpun-- kita beli, lama-kelamaan benda tu harga dia pelan tinggi-- bila kita beli harga yang lima [5] qatoih [ringgit Malaysia] ada lagi yang harga enam [6] qatoih [ringgit Malaysia]. Beli yang enam [6] qatoih [ringgit Malaysia] dia ada lagi harga yang lapan [8] qatoih [ringgit Malaysia]. Jadi bila sampai tujuh lapan [78] qatoih [ringgit Malaysia] kita pun nak modai la, tu yang kita *start* [mula] mula buat sendiri tu. (memegang rokok daun).

**NFAH : Faham. Pastu kiqa bidang keris ni diwarisi- diwarisi ka oleh keluarga? Ka macam mana?**

SS : Benda ni anak jelah duk buat-- pelan-- (memegang rokok daun).

**NFAH : Kiqanya sekarang tuqun dekat anak pulak la? (membuat isyarat tangan).**

SS : Ha, asas sikit-- tu boleh la.

**NFAH : Faham.**

SS : Ada la (mengangguk).

**NFAH : Pastu, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] buat semua benda ni yang buat keris ni ada orang ajaq Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ka cena?**

SS : Ha, mula dulu kita buat sendiri. Kita buat sendiri, zaman tu dua ribu tujuh [2007] masa tu tak dak lagi, apa nama Facebook [aplikasi sosial media], WhatsApp [aplikasi sosial media] ni tak dak lagi zaman tu (menggaru hidung).

**NFAH : Betui la. (mengangguk).**

SS : Tapi kita belajaq buat sendiqi kemudian dengan tukang yang orang dok sebut-- tu kita caqi tukang kita tunjuk benda yang kita dah buat tu. Kemudian bila dah lama masuk 2009, 2010 tu dah-- mula dah, dah ada Facebook [aplikasi sosial media] apa kan (menggaru telinga) daftar dengan Kraf Tangan (berdehem) depa akan amik barang kita dia tengok apa semua *start* [mula] situ la dari tu depa bawa pi kursus-- apa mula kita kenai dengan tukang-- luaq apa sampai ke la (berdehem sambil memegang rokok daun).

**NFAH : Faham.**

SS : Tapi susah sikit. (meletakkan rokok daun di mulut).

**NFAH : Cena Che Din [Shahabuddin bin Sabu]?**

SS : Dak macam dulu ni zaman dua ribu sepuluh [2010] ke bawah ni dia susah (memegang rokok daun)

**NFAH : Betui la --.**

SS : Macam la dia banyak tau \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi).

**NFAH : Faham-- okey kita akan ke soalan seterusnya saya nak tau Che Din [Shahabuddin bin Sabu] buat keris kan, kalau boleh pada pendapat Che Din [Shahabuddin bin Sabu] la sendiqi apa yang dimaksudkan dengan keris tu sendiqi? Che Din [Shahabuddin bin Sabu] rasa keris ni daqi pendapat Che Din [Shahabuddin bin Sabu] cena? (gangguan bunyi)**

SS : Keris ni dia macam biasalah keris (gangguan bunyi) lain dari senjata \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) kadang-kadang orang dia salah faham. Pisau lapah tu pun yang buat elok-- yang dok kilat-- ada ukiran tu pun setengah

orang keris. Ha ha tu yang-- jadi salah faham tu sebenarnya keris ni dia adalah senjata.

**NFAH : Senjata.**

SS : Dia separa senjata. Dia boleh guna sebagai senjata boleh guna sebagai kegunaan kita.

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Tara tu la (mengemam rokok daun sambil berdehem) macam *style* [gaya] ni yang ni dia panggil pisau lapah. (menunjukkan pisau lapah).

**NFAH : Oh, yang dok lapah daging apa semua tu. (mengangguk)**

SS : Kita lapah ni bilah dia macam tu bilah untuk kita guna la (menunjukkan bilah pisau lapah sambil menggigit rokok daun) belah sebelah saja, di atas ni dia tak tajam dia yang sini panggil mata dia yang tajam tu (menunjukkan mata pisau) kalau-- keris ni dia macam tu (menunjukkan keris).

**NFAH : Oh, berlekuk.**

**NSS : Berlekuk.**

SS : Hat ni dia tajam. Ha dia ada yang lekuk macam ni (menunjukkan lekuk keris) dia ada yang luruih macam ni (membuka sarung keris) eh bukan lekuk juga ada satu lagi yang dia luruih tapi mata dia pun tajam dua bahagian juga (menunjukkan bahagian keris) tapi tak boleh la yang ni nak guna sebagai nak hiris buah ka apa ka (sambil menutup keris dengan sarung) dia seratus peratus senjata.

**NFAH : Betui.**

SS : Ha kalau macam yang ni dia separa senjata (sambil menunjukkan pisau lapah) kita boleh guna sebagai senjata kita boleh guna sebagai kegunaan harian kita (memegang pisau lapah) tu la beza dia keris dengan pisau lapah. (meletakkan pisau lapah sambil menyalakan rokok daun).

**NFAH : Menurut Che Din [Shahabuddin bin Sabu], Che Din [Shahabuddin bin Sabu] rasa keris ni dia mai daripada mana? Asal usul dia? Sebab dengaq kata orang kata kadang-- keris ni sendiqi mai pada Indonesia mai pada Jawa ada mai pada zaman Melayu dulu. Che Din qasa macam mana?**

SS : Setakat yang kita tau ni Nusantara la. Nusantara ni dia keseluruhanlah (membetulkan kedudukan) dari Indon [Indonesia], Aceh [Indonesia] apa sebahagian Pilipina [sic, Filipina] apa Malaysia, Indonesia (sambil memegang rokok daun) Nusantara la. Dia kira tang mana negeri-- negara-- yang ada bangsa Melayu kiqa ada la keris tu. Tu bangsa Melayu. (sambil memegang rokok daun).

**NFAH : Betui Melayu- bangsa Melayu luaih.**

SS : Ha Melayu ni luaih. (menghisap rokok daun).

**NFAH : Faham-- kalau macam tu boleh Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ceqita sikit caqa buat keris ni macam mana?**

SS : Caqa nak buat keris?

**NFAH : Ha kiqa macam peralatan apa yang digunakan?Beqapa-**

SS : Kalau macam zaman-- moden la ni paling-- tak dak kita pakai tiga jenis besi.

**NFAH : Tiga jenis besi.**

SS : Ha yang-- pertama kita pakai besi podia, yang kedua besi liat. Kita pakai besi untuk asas dia. Besi liat tadi ni dia besi yang warna dia seakan warna berlainan. Contoh-- macam ni kalau-- boleh nampak peqasan tak dia ada dua warna? (menunjukkan keris) yang hitam dengan yang seakan macam peqak tu? Nampak dak? (menunjukkan bahagian bilah keris).

**NFAH : Ada-- nampak--**

SS : Ha yang hitam tu dia besi baja. (menunjukkan keris sambil mengemam rokok daun).

**NFAH: Besi baja?**

SS : Yang ni membuatkan keris ni tajam (memegang rokok daun sambil menunjukkan keris) yang besi lembut besi liat tu yang putih tu. Bila kita tempa kita lipat punya lipat -- besi tu dia akan bertekap (membuat isyarat tangan) contoh macam-- *plasticine* [plastik] kita amik tiga-- warna kala merah la contoh kita lipat punya lipat-- kan dia jadi macam kek lapis, bila kita potong melencong tu (membuat isyarat tangan) dia jadi *layer*-- [lapisan] dia la. Contoh dia lebih kurang macam tu (menangguk) (berdehem) Besi keraih tadi ni besi yang kita nak besaqkan nak-- bentuk bilah keris tu (menunjukkan keris sambil berdehem) kalau yang macam pisau-- tadi ni dia cuma pakai sejenis besi atau dua [2] jenis besi. (memegang rokok daun).

**NFAH : Ada beza? Okey. (menangguk)**

SS : Ha sebab dia-- lebih kepada berkilat sebab kita nak guna ketajaman tu.

**NFAH : Faham. (menangguk)**

SS : Ni dia yang dia jadi macam berlekuk tujuan dia nak letak racun di situ. Dia senjata. Kalau racun buh kita letak pada besi yang licin pisau ni dia tak lekat la racun tu.

**NFAH : Tak dak kesan la.**

SS : Ha. Tu yang keris orang dulu dia buat macam tu. (menghisap rokok daun).

**NFAH : Pastu kiqanya masa nak buat tu Che Din [Shahabuddin bin Sabu] guna peralatan apa yang selalu digunakan? Yang penting macam contoh?**

SS : Yang penting untuk kita buat sebilah keris ni kena ada dapuq la.

**NFAH : Dapuq?**

SS : Dapuq untuk tempa besi. Ha. (berdehem) bila—ada dapuq kita kena ada api. Api macam zaman dulu kebanyakan pakai ada yang pakai aqang ada yang pakai gas dah zaman moden la ni. Kalau dulu ni pakai aqang. (memegang rokok daun).

**NFAH : Betui.**

SS : Okay aqang tu kita bakaq supaya besi tu dia jadi lembut yang kita tengok jadi warna ke merah-- tu tujuan dia nak-- sebatikan besi tu la nak lembutkan besi. (membuat isyarat tangan)

**NFAH : Senang nak bentuk nanti la.**

SS : Ha. (menangguk) kemudian bila dah besi tu jadi warna meqah tu barulah kita ketuk. Ketuk supaya besi tu nak-- bagi dia sebatu tu. (membuat isyarat tangan).

**NFAH : Faham. (menangguk) pastu kiqanya Che Din [Shahabuddin bin Sabu] amik masa berapa lama untuk buat kalau macam dapat tempahan?**

SS : Kalau keqis tu dia-- masa panjang la kadang sampai dua haqi siap. (memegang rokok daun).

**NFAH : Sehaqi?**

SS : Ha tu yang dia jadi dua haqi tiga haqi. Haqi mula tu cuma kita lipat besi dia. (isyarat tangan).

**NFAH : Lipat besi.**

SS : Lipat-- sekali kita lipat kita kena bakaq sampai dia jadi meqah nak oqen tu (isyarat tangan) baqu kita boleh ketuk— lebih kurang besaq tapak tangan kita lipat pulak (isyarat tangan sambil memegang pemetik api di tangan) lepas tu kita ketuk bagi jadi panjang untuk nak buat bilah keris tu. Tu yang dia amik masa tu. (memegang rokok daun sambil membetulkan posisi badan).

**NFAH : Okey. Kiqanya Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ada kalau boleh saya nak tau jenis-jenis keris yang Che Din [Shahabuddin bin Sabu] buat? Ada jenis tak? Jenis-jenis keris?**

SS : Ada keris ni selalu dua la dua-- jenis la. Keris luk yang lekuk-lekuk tu (isyarat tangan) dengan yang luruih. Luruih keqis jantan yang luk ni keqis betina. (memegang rokok daun sambil membetulkan posisi badan).

**NFAH : Ada jantan betina? (tersenyum).**

SS : Ha (menangguk sambil memegang rokok daun).

**NFAH : Lepas tu kalau- apa fungsi dua-- keris tu? (isyarat tangan)**



SS : Ha fungsi sama ja (menghisap rokok daun) ada-- yang nak sampai tujuh [7] besi (memegang rokok daun) kalau sampai tujuh [7] besi tu memang kita tak buat dah la (menggeleng) kita buat takat tiga [3] jenis besi ja (menghisap rokok daun).

**NFAH : Faham.**

SS : Ya dia lagi payah la qeja tu lagi susah (menghisap rokok daun) kita nak sebatikan tujuh jenis besi tu. Kalau dalam bahasa buku dia panggil tujuh [7] pa (menghisap rokok daun).

**NFAH : Faham-- so [jadi] okey la kalau dah settle [selesai] pasal keris apa semua tu kalau boleh saya nak tau la menurut Che Din [Shahabuddin bin Sabu] sendiqi, kita sebagai orang Melayu ni kalau nak guna keris tu ada dak caqa yang sebenaknya untuk guna keqis sebab zaman sekarang kan orang selalu guna keris tu sesaja ja tak tau apa fungsi dia apa semua tu ka Che Din [Shahabuddin bin Sabu] bole ceqita sikit macam mana caqa sebenaq nak pegang keris? Caqa untuk bawa dia?**

SS : Keris ni sebenaknya dia ni pakaian. Selain daripada senjata dia ni sejenis pakaian la. Contoh kalau kita pakai baju pakai seluaq apa semua buh minyak qambut sejam kita pakai. Keqis pun sama juga dia macam tu juga dia-- aksesori.

**NFAH : Betui. (menangguk)**

**NSS : Aksesori. (menangguk)**

SS : Contoh macam kita pakai jam la kita tak pakai pun takpa tapi zaman dulu ni bawa keqis pun takpa tak bawa keqis pun takpa jadi macam zaman la contoh macam jam macam tu la. Kita tak tengok jam pun di telefon ada juga jam.

**NFAH : Betui.**

SS : \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) dia lebih kuqang macam tu la dulu pun macam tu tapi lebih kepada senjata (gangguan bunyi).

**NFAH : Kiqanya kalau Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa dalam penggunaan keris ni sendiri siapa yang boleh apa siapa yang boleh memiliki keris ni? (isyarat tangan)**  
**Kalau-**

SS : Tak-- semua orang boleh pakai kalau dia tu orang bangsa Melayu (menghisap rokok daun) la \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi).

**NFAH : Betui.**

SS : Ha contoh-- orang Melayu pakai pedang samurai. Pedang samurai tu bukan hak kita hak Jepun.

**NFAH : Betui.**

**NSS : Betui.**

SS : \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) ataih niat kita la kita nak untuk apa (isyarat tangan) sama juga dengan kalau kata kita pakai baju Melayu dengan sampin apa semua nak lagi segak kita pakai la keris tu di pinggang (isyarat tangan) nampak la pakaian kita tu macam Melayu tu.

**NFAH : Betui. (menangguk)**

SS : Macam tu ja la kalau kita pakai baju Melayu bersampin bertanjak apa bawah pedang (isyarat tangan) samurai tak kena la bukan pakaian dia (tersenyum).

**NFAH : Betui. (tersenyum)**

SS : Ha macam tu la (berdehem).

**NFAH : So [jadi] Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ada sebut tadi kata yang kita pakai keris sampin apa semua tu so [jadi] kalau kita pakai keris dekat mana yang sebenarnya nak selit keris tu?**

SS : Keris tu tempat dia tu di pinggang la.

**NFAH : Ka dia ada macam ada belah kiki saja ka? Kanan saja ka?**

SS : Dia ikut tangan.

**NFAH : Ikut tangan?**

SS : \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) apa tangan kita ni ikut tangan kanan keris tu duk belah kiki.

**NFAH : Amik tu. (membuat isyarat)**

SS : Ha ha. (mengangguk) pasal tangan kita ni kuat belah kiki kita buat qeja dengan kiki keris tu kita selit belah kanan. Nak-- amik tu mudah la (isyarat tangan) ha macam tu la. (membetulankan posisi badan).

**NFAH : Faham-- okey (isyarat tangan)**

**NSS : Okey macam apa kita dah tau caqa nak buat keris apa semua tu. Pada pendapat Che Din [Shahabuddin bin Sabu] macam mana nak jaga keris tu? Macam caqa nak cuci dia ka atau caqa nak simpan dia?**

SS : Ha keqis-- ni kalau zaman la ni dia— ada macam-- dia punya rumit dia la. Dia lebih kurang macam apa dia lebih kurang macam minyak dia tu (meletakkan jari di dagu) dia \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) contoh dalam lima [5] enam [6] bulan sekali dia akan amik sapu minyak tu lah (isyarat tangan) tidak keqis bekaqat. Kalau keqis tu berkaqat dia akan guna cuka makan tu (isyarat tangan)

**NFAH : Cuka?**

SS : Tu yang cuka apa masak ikan *steam* [stim] yang kita panggil cuka makan tu salah satu bahan yang boleh basuh kaqat keqis tu. Zaman-- la ni la (meletakkan tangan di bibir) kalau zaman dulu keqis orang basuh pakai limau.

**NFAH : Pakai limau.**

**NSS : Basuh pakai limau.**

SS : Ha dengan limau tapi la ni ada orang kata caqa tu dia syirik sebab gunakan kemenyan apa.

**NSS : Betui.**

SS : Macam lagu ni (menunjukkan keris sambil menghisap rokok daun) keqis yang bekaqat tu. Peqasan dak kaqat tu?

**NFAH : Perasan.**

SS : Ha okay keqis ni bekaqat kita akan basuh guna limau. (menunjukkan keris) limau ni dia asid. Asid dia akan makan ni makan dia punya kaqat ni (menunjukkan bahagian karat keris)

**NFAH : Yaka?**

gajah terlatih. \_\_\_\_\_ Kedah Tua [Malaysia] dulu-dulu bukan macam  
Kedah [Malaysia]. Kedah Tua [Malaysia] dulu ni jajahan dekat sampai tak nampak  
(berdehem), \_\_\_\_\_ ni duduk dalam Kedah [Malaysia] lagi, lepas tu dia  
\_\_\_\_\_ Siam [Thailand] (berdehem). Perlis [Malaysia] ni pun dia duduk dalam  
Kedah [Malaysia] lagi, tempat *train* [latih] gajah tu dia duduk di Perlis [Malaysia].  
Kampung tu, kampung tu memang tempat oqang *train* [latih] gajah (gangguan  
bunyi signal), dia panggil Kampung Sulong [Kedah, Malaysia] (sambil pergerakan  
tangan)

**NFAH : Kampung Sulong [Kedah, Malaysia] (isyarat tidak fahm).**

**NSS : Kampung Sulong [Kedah, Malaysia].**

SS : Ha dia ajaq macam mana nak \_\_\_\_\_ oqang (sambil pergerakan tangan). Gajah nak  
buat qeja taqik balak, oqang -- Melayu kita. Tu yang kita ceqita tadi ni Melayu ni  
hebat, bukan setakat buku (pergerakan tangan)

**NSS : Betui (mengangguk) Melayu betui hebat (ketawa kecil).**

**NFAH : Betui -- (mengangguk).**

SS : Gajah yang besaq pun boleh *train* [latih] (pergerakan tangan). Tu hebat bangsa  
Melayu, Arab pun banyak \_\_\_\_\_ gajah kita dulu ni (gangguan bunyi). Ceqita oqang  
tua-tua dulu Dun mula-mula, tu ceqita oqang tua-tua (berdehem). Apa nama --  
(berfikir dan berdehem), pisau hok macam ikan paus tu depa kata dulu ni, oqang  
dok ajaq gajah, mula terbit ceqita tu (pergerakan tangan). \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ lama caqi -- jumpa soqang Paklong ni, Paklong tu la bawak keluaq  
tunjuk. Dia kata, "Hok ni yang oqang cucuk belakang telinga gajah ni (sambil  
menunjuk ke arah telinga). Pasai pa ? Nak aqah dia. Kulit gajah ni, belakang ni ja  
yang nipis (sambil membuat pergerakan tangan dan menunjukkan belakang  
telinga). Kalau budak-budak ibarat kita cubit (sambil membuat isyarat cubitan)  
(gangguan bunyi) cucuk dengan -- pisau

**NFAH : Ha (mengangguk) betui.**

SS : dengan hujung tu (sambil menunjukkan telingan dan isyarat tangan), hujung tu dia cucuk sikit, kalau dia cucuk dengan golok besa ni mungkin panjang tu masuk (sambil mengukur dua jari) (gangguan bunyi signal). \_\_\_\_\_ Golok Kedah [Malaysia] ni, dia pusing sikit, dia cucuk hat tu ja yang masuk, dalam banyak tu ja yang masuk (menunjukkan isyarat ukuran jari) (gangguan bunyi). \_\_\_\_\_ Kedah [Malaysia] ni \_\_\_\_\_ mau kalau kata budak ibarat kita cubit (sambil menunjukkan pergerakan cubitan) (gangguan bunyi) oqang \_\_\_\_\_ dulu ni. \_\_\_\_\_ kuasa gajah tu (sambil isyarat tangan) peqasan dak kuasa gajah ? \_\_\_\_\_ kita pi tempat -- gajah dia Gembala Gajah, dia ada satu bawah, satu kayu tu (sambil isyarat tangan) yang bentuk S tu, tu di panggil kuasa gajah. Kuasa gajah dengan Gembala Gajah hanya di Kedah [Malaysia] saja (gangguan bunyi signal). Dia duduk tinggi (sambil membuat isyarat menunjuk arah atas) dia boleh letak dia boleh aqah -- gajah kalau dia \_\_\_\_\_ kuasa gajah. Dia kena bawak dua [2] (sambil menunjuk isyarat dua jari), kuasa gajah satu [1], parang satu [1] (gangguan bunyi signal)

**NFAH : Parang.**

SS : \_\_\_\_\_ paqang ni untuk tetak.

**NFAH : Tetak.**

SS : Pokok tinggi tetak dahan tu lalu \_\_\_\_\_ (pergerakan tangan). Kena tetak (berdehem), qanting-qanting timpa kan dia duduk \_\_\_\_\_ (berdehem sambil membuat pergerakan tangan)

**NFAH : Betui -- (mengangguk).**

SS : Tu \_\_\_\_\_ dia tu (sambil menyalakan api pada rokok daun).

**NSS : Pastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu] (berfikir), selain daripada masuk tv, 'Panorama' [rancangan siaran televisyen] semua tu, ada dak macam masuk pasai Che Din [Shahabuddin bin Sabu] dalam suqat khabaq, majalah-majalah?**

SS : Suqat khabaq ada dulu ni sekali, tak ingat taun beqapa (sambil menggeleng) (gangguan bunyi signal), masa tu ceqita pasai (berfikir), hobi kot, hobi --, dia ceqita pasai hobi kot dalam tu (berfikir) \_\_\_\_\_ 'Punca Rezeki'ka macam mana taktau, ada masa tu 'Metro' (isyarat tangan)

**NFAH : 'Metro'.**

**NSS : 'Metro'.**

SS : (Mengangguk sambil menggaru kepala) 'Metro' masa tu, kan ada 'Metro Utara' apa kat laman tu (sambil isyarat tangan).

**NSS : Ha -- (gangguan bunyi signal)**

SS : 2009 (gangguan bunyi signal), 2008 masa tu, qasa 2009, 2010 masa tu (mengangguk dan berdehem). \_\_\_\_\_ (sambil menyentuh hidung). Yang tu ja.

**NSS : Apa perasaan Che Din [Shahabuddin bin Sabu] masa tau kata ceqita Che Din [Shahabuddin bin Sabu] tu masuk dalam suqat khabaq 'Metro' semua tu ?**

SS : Tak tersangka (sambil ketawa kecil dan sambil memegang rokok daun), masa tu tak sangka (sambil menggeleng dan ketawa kecil) ceqita kita.

**NSS : Ha tak sangka (sambil tersenyum).**

SS : Tapi buku pun ada, yang sebenarnya buku pun ada

**NSS : Buku.**

**NFAH : Buku (sambil menunjukkan reaksi terkejut).**

SS : Bukan setakat ni, \_\_\_\_\_ buku ceqita kisah kita. Ceqita buku -- (berfikir), apa tajuk buku tu (sambil menoleh kepala). Tapi di belakang buku tu, nama-nama tukang tu, nama kita tersenarai (sambil membuat isyarat tangan). Kalau -- peqasan, \_\_\_\_\_, UPM [Universiti Putra Malaysia] -- Bangi [Selangor, Malaysia], Serdang [Selangor, Malaysia] ka apa, kan UPM [Universiti Putra Malaysia] ada muzium (sambil meletakkan rokok di mulut)

**NSS : Ha -- (sambil mengangguk).**

SS : \_\_\_\_\_ ha, Abdul Mua'ti [sic, Prof. Dr. Mua'ti @ Zamri Ahmad, Pensyarah Bidang Penyelidikan Universiti Putra Malaysia] salah soqang. Dia salah seorang *lecturer* [pensyarah] bahagian Bahasa Moden [Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia] kot (sambil isyarat tangan).

**NSS : Bahasa Moden [Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia] (sambil mengangguk)**

SS : Ha, dia yang banyak caqi pasai, apa nama sejarah senjata ni, \_\_\_\_\_ (isyarat tangan), bila nama kita masuk dalam 'Metro' apa tu, dia mula -- caqi kita dalam *FB* [sic, *Facebook* aplikasi sosial media] apa semua, sampai dia mai qumah (berdehem), apa yang dia \_\_\_\_\_ pasai Golok Kedah [Malaysia] tadi ni, tulih dalam buku tu (isyarat tangan dan berdehem).

**NSS : Pastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu], pasai keris ni Che Din [Shahabuddin bin Sabu] ada pernah masuk pameran-pameran dak?**

SS : Ha pameran tu selalu, pameran selalunya dengan Kraftangan [Jabatan Kraftangan Negeri Perlis, Malaysia]. Kalau yang macam persendirian (gangguan bunyi signal), *event* [majlis] -- apa tu, jaqang bawak keqis (sambil memegang roko daun)

**NFAH : Bawak apa ja?**

SS : Bawak barangan kraftangan, \_\_\_\_\_ Kedah [Malaysia], tapi keqis memang jaqang, jaqang kita bawak (sambil menggeleng). Ni, macam dapuq kayu \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi signal). Dia gostan [sic, *go astern*, ke belakang] -- dia dok mai mesti dia akan mai pegang, \_\_\_\_\_ jadi hok yang \_\_\_\_\_ mana-mana tu pun, cabut apa takut jadi kecederaan (gangguan bunyi burung) (berdehem).

**NFAH : Hm betui -- (mengangguk).**

**NSS : Selalunya pameran tu, kiqa dalam Utaqa saja ka ataupun Che Din [Shahabuddin bin Sabu] dok pi Pantai Timur Selatan?**

SS : Macam-macam, dalam Perlis [Malaysia] kalau tak silap lama-lama sekali macam tu (sambil menggeleng) saja, sebab kita banyak tumpu pada tempahan (sambil mengurut kaki). Kalau tempahan kita tak banyak, kita keluaq *event* [majlis] -- pun (sambil mengangguk). Pameran (gangguan bunyi signal) luaq peaqasan dua [2] kali tiga [3] kali macam tu ja. Tak banyak (sambil meletakkan rokok daun di mulut) (gangguan bunyi signal)

**NSS : Selain daripada pameran semua tu, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] buat sijil -- apa, keris ni ada dapat sijil penghargaan daripada mana-mana jabatan ataupun Kraftangan [Jabatan Kraftangan Negeri Perlis, Malaysia] tu sendiqi ka?**

SS : Kita dapat pisau lapah.

**NFAH : Pisau lapah.**

SS : Ha, tajuk -- 'Pisau Lapah', dia -- \_\_\_\_\_ keqis la, dia -- lebih kepada pisau lapah (berdehem). \_\_\_\_\_ 'Tokoh Utaqa' macam tu la.

**NSS : 'Tokoh Utaqa' (sambil menganggak).**

SS : Kita antaqa yang terawai, la ni qamai dah la. Kita antaqa yang terawai, depa dapat nama kita tu, jadi bila hat baqu la ni \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi signal) kata oqang jadi rujukan lah, terbaqu ni. Tangan kalau kata tuan tu pun tau buat pisau, pisau lapah, lapah -- dia ukiran \_\_\_\_\_ kita kata \_\_\_\_\_ dengan kita. Ukiran-ukiran dia tu akan rujuk dengan kita untuk utaqa ni, untuk keqis, gitu ja (sambil meletakkan rokok di mulut).

**NSS : Faham (sambil menganggak). Okey Kirin [Nur Farahin binti Abu Hassan].**

**NFAH : Pastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu] kata yang Che Din [Shahabuddin bin Sabu] apa disebabkan Che Din [Shahabuddin bin Sabu] pernah masuk tv, masuk dalam buku apa semua tu Che Din [Shahabuddin bin Sabu] pernah dak, dalam proses pembuatan keris ni ada berkolaborasi dengan sapa-sapa, kawan-kawan mana-mana ka, macam buat qeja berdua, nak berkolaborasi buat qeja dengan dia ?**

SS : Selalunya tu bilah dengan pakaian, macam \_\_\_\_\_ tukang terhebat (gangguan bunyi signal), kita buat keqis, selalu macam tu (sambil menggeleng mengiyakan). Banyak yang tentang kita buat semua daqi bilah sampai ke pakaian (berdehem) (gangguan bunyi signal).

**NFAH : Kiqa, bahagi-bahagi qeja.**

SS : Ha (sambil menganggak).

**NFAH : Faham --. Okey pastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu], saya nak tanya bagi Che Din [Shahabuddin bin Sabu], Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa dengan apa**

adanya masuk tv apa semua tu, ada dengan apa, depa buat rakaman pasai Che Din [Shahabuddin bin Sabu] buat keqis kat apa semua tu, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa benda tu ada bagi makna apa-apa dak kepada masyarakat kat luaq sana ?

SS : Ha, ada (mengangguk). Dia bagi \_\_\_\_\_, macam kita ceqita awai tadi ni, oqang tengok pisau lapah pun dia sebut keqis (gangguan bunyi signal), keqis pun panggil keqis kan, \_\_\_\_\_ pun oqang kata keqis. Kita tanya benda-benda \_\_\_\_\_ macam tu, dia boleh --beza la yang mana keqis, yang mana pisau apa macam tu.

**NFAH : Betui (sambil mengangguk).**

**NSS : Kiqa oqang lebih -- dapat ilmu apa beza sebenaqnya keqis ni lain.**

SS : Ha --, apa beza keqis, apa beza pisau lapah, lebih kuqang macam tu (sambil membuat isyarat tangan).

**NFAH : Betui -- (sambil mengangguk).**

SS : Elok nampak berkilat ja, ha keqis.

**NFAH : (Ketawa kecil) betui.**

SS : Kalau ikut sekolah-sekolah pun macam, sekolah-sekolah pun kebanyakan, depa buat *event* [majlis] apa-apa depa akan panggil buat pameran.

**NFAH : Panggil jugak.**

SS : Ha (mengangguk). Bila \_\_\_\_\_ tajuk 'Pameran', kita akan bawak, bawak keqis, bawak pisau lapah, kita ceqita budak-budak kita "Yang ni keqis", apa beza keqis, apa beza pisau lapah, sebab apa yang ni keqis, sebab apa yang ni \_\_\_\_\_.



**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Budak-budak ni bukan seqatoih [100] peqatoih, kita ceqita tu depa ingat.

**NFAH : Betui (ketawa kecil)**

SS : Tujuh puluh [70] *percent* [peratus] tu dia paham, apa yang kita ceqita. Kalu dia jumpa kat luaq pun dia kata, “Oh ni pakcik tu ceqita kata keqis, oh ni pakcik tu kata pisau lapah.” Sekuqang-kuqangnya depa ingat, tu depa boleh ceqita, ha.

**NFAH : Hm betui. *At least* [sekurangnyanya] depa tau apa beza sikit, daripada taktau langsung.**

SS : Ha -- (mengangguk dan berdehem).

**NFAH : Lepastu -- Ha, okey (sambil tersenyum)**

SS : \_\_\_\_\_ paqang dia kata macam kedai *hardware* [perkakasan] tu, yang warna hitam kecik tu, hat tu paqang.

**NFAH : (Ketawa kecil) Paqang.**

SS : Betui yang tu paqang, yang ni pun paqang, tapi oqang kata paqang yang elok sikit, ha macam tu ja (gangguan bunyi burung).

**NFAH : Betui -- Lepastu --**

**NSS : Ada seni dia kat keqis tu.**

SS : Ha -- (sambil meletakkan rokok daun di dalam mulut).

**NFAH : Lepastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa sumbangan keris ni sendiqi pada masyarakat, ada dak apa-apa sumbangan, kiqanya keris ni, dia masih relevan tak**

dengan generasi zaman kini? Dengan apa budak-budak sekaqang masyarakat sekaqang.

SS : Kalau daqi segi pakaian tu memang, memang kita patut ceqita benda-benda macam tu (sambil mengangguk), benda kasut apa ni (berdehem), macam kita ceqita tadi (berdehem dan menoleh ke tepi), sekuqang-kuqangnya oqang boleh tau boleh beza \_\_\_\_\_ Busana Melayu

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Ada yang pakai Baju Melayu saja dah, dengan bersampin, bertanjak, depa pun dah qamai dah. Polis pun keluaq akta, keqis tak boleh pakai suka-suka, keqis kena pakai bila ada busana baqu boleh pakai (isyarat tangan). Okey, sampai tahap macam tu. Memang daqi segi kita kata keselamatan tu, polis sekat. Tapi untuk pengetahuan am tu, memang ada. Contoh kita nampak oqang pakai busana, “Oh macam ni qupanya pakaian Melayu dulu, dengan berkeris, bertanjak, bersampin apa kan.” Dengan kasut capal dia ka apa (berdehem dan menoleh ke sisi) macam tu.

**NFAH : Kiqanya walaupun keris ni lama tapi dekat pada zaman sekarang ni dia masih lagi relevan untuk pakai, digunakan?**

SS : Ha --.

**NFAH : Ha faham -- . Lepastu Che Din [Shahabuddin bin Sabu], kami nak tanya sikit macam harapan Che Din [Shahabuddin bin Sabu] , harapan Che Din [Shahabuddin bin Sabu] tentang warisan keris ni sendiqi pada masyarakat kita, ada dak Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa apa-apa, harap - harapan Che Din[Shahabuddin bin Sabu].**

SS : Harapan kita tu, kalau boleh tu semua bangsa -- Melayu ada simpan, paling-paling takdak sebilang di qumah (sambil menunjukkan isyarat jari telunjuk) (gangguan

bunyi burung). Bukan apa, kesenangan kita la ni, keqis ni lah punca kita senang (sambil membuat isyarat tangan).

**NFAH : Betui (sambil mengangguk).**

**NSS : Betui (mengangguk).**

SS : Zaman kita dijajah, Barat ni dah musnahkan tulang belakang kita, sejarah kita, dia ceqita kata, bangsa Melayu ni takdak apa. Bangsa Melayu berpeqang guna paqang guna keqis, tapi keqana keqis tu kita boleh senang sampai la, betui tak betui ? (sambil membuat isyarat tangan)

**NFAH : Betui -- (mengangguk).**

**NSS : Betui (mengangguk).**

**NFAH : Dengan keris tu ada keamanan sekaqang ni.**

SS : Walaupun dia kita kata sebilang besi, besi-besi kaqat, tapi oqang kata, oqang kata apa hasil dia tu apa yang kita nikmati la ni. Tanah kita. (sambil membuat isyarat tangan).

**NFAH : Betui (mengangguk). Jasa dia tu.**

SS : Ha. Oqang dulu-dulu ceqita zaman dulu British pernah isytihar, tak ingat tahun beqapa masa tu (gangguan bunyi signal), isytihar bangsa Melayu ni tak boleh pakai keqis

**NFAH : Sat ada -- (mengangguk).**

SS : Maksud dia, maksud kita keluaq daqi qumah, berpakaian kita dulu ni dengan senjata. Bangsa Melayu ni dia tak boleh lekang dengan senjata. Jadi, bila dia -- maqah, oqang -- putih ni taktau apa-apa, bangsa Melayu ni maqah dia akan guna pisau tu untuk tikam (gangguan bunyi signal). Jadi, depa ni jadi macam satu aura bila --

bangsa Melayu ni ada senjata di badan. \_\_\_\_\_ jadi aura keberanian tu lebih. (Gangguan bunyi) Sebab tu British isytihar bangsa Melayu ni tak boleh bawak senjata walaupun keqis walaupun pisau (gangguan bunyi signal).

**NFAH : Betui -- (mengangguk) ada -- saya baca, depa takut.**

SS : Ha, depa takut (mengangguk).

**NSS : Okey, Kirin [Nur Farahin binti Abu Hassan].**

**NFAH : Ha, lepastu *last* [akhir] Kirin [Nur Farahin binti Abu Hassan] nak tanya, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] qasa keris ni sendiqi akan boleh dak membawak imej Melayu pada tahap yang tinggi, kiqanya bukan dikenali dekat Malaysia, Nusantara, mungkin nanti ke luaq-luaq negaqa ka cena?**

SS : Qasanya tak salah (sambil membetulkan posisi badan). Sebab apa tak salah ? Sebab bangsa Jepun pun kalau kata kita peqasan keqis depa pun bila ada majlis-majlis (gangguan bunyi signal), contoh macam (meletakkan tangan di dahi sambil berfikir) -- depa kalau kita kat Parlimen [Badan Perundangan Negara Malaysia], depa bukan pakai pakaian depa. Pasai apa kita nak kena pakai kot ? Pasai apa kita tak pakai pakaian Baju Melayu kita ? (isyarat tangan)

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Tu kebanggaan kita. Pasai apa Cina pakai lengan besaq tu boleh (sambil menunjukkan isyarat lengan baju besar) ? Berbalut sampai tiga [3] empat [4] lapis boleh. Pasai apa banga Melayu kita malu sangat nak pakai Baju Melayu masuk dalam Parlimen [Badan Perundangan Negara Malaysia] ? (berdehem). Pasai apa ? Hebat sangat ka kot tu ? (membuat pergerakan tangan) (gangguan bunyi signal).

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : (Ketawa kecil) Contoh, bukan kata kita maqah tapi tu benda tu.

**NSS : Kita kena beqani (gangguan bunyi signal).**

**NFAH : Kena bangga.**

SS : \_\_\_\_\_ mau nak pakai macam tu. Apa lagi hat yang muda-muda la ni. Macam kita ceqita yang tadi ni yang kata Melayu tu kuno apa. Bila kita hebat macam bangsa Melayu ni, macam yang tu yang kita ceqita tadi (sambil isyarat tangan dan berdehem).

**NFAH : Baqu depa sedaq.**

SS : Ha (berdehem). Oqang dulu-dulu \_\_\_\_\_ tapi dia tak sebut la asid.

**NFAH : Dia tak sebut la dia taktau asid tu apa (sambil isyarat tangan dan ketawa kecil).**

SS : Ha, tapi dia tau kegunaan dia tu (berdehem) (gangguan bunyi burung).

**NFAH : (Mengangguk) betui --. Okey, Wanie [Nurul Syazwanie binti Mohd Sofian].**

SS : Tapi qasanya tak -- salah benda tu pakaian Melayu ni, dengan keqis dengan tanjak, dengan sampin apa tu. Sepatutnya bila kita pakai pakaian Melayu ni mau lengkap (sambil membuat pergerakan kepala). Ha, baqu bangsa luaq ni \_\_\_\_\_ ni oqang kata hormat kita.

**NFAH : (Mengangguk) betui --.**

**NSS : Betui.**

SS : Ha, sebelum ni penjajah ni dah kepak tulang belakang kita, sejarah kita, dia dah kecoh dah. (Gangguan bunyi signal) \_\_\_\_\_ yang -- bukan yang terbaqu ni,

yang kita kata \_\_\_\_\_ keluaq tahun 80an [1980], 70an [1970], 90an [1990] tu, \_\_\_\_\_ hebat oqang putih.

**NFAH : Betui.**

SS : Hebat oqang melayu ni takdak.

**NSS : Betui.**

SS : *Start* [mula] zaman kita kata zaman janggus zaman Internet apa ni, bila (berfikir) tahun 2000 tu dah mula dah keluaq ceqita kata bangsa Melayu ni hebat, keliling dunia, laut apa. Baqulah nampak (berdehem) kata bangsa Melayu ni bukan lekeh jugak. Belanda jelajah dunia [sic, laut] dulu pun, orang Melayu yang bawak dia (isyarat tangan).

**NFAH : Ha betui --.**

SS : Ha. Oqang Melayu tu boleh ceqita (gangguan bunyi signal) sat lagi kita akan berdepan dengan qibut. Dia kata, "Macam mana *you* [awak] tau kata qibut, sedangkan cuaca elok ni (sambil mengerutkan dahi). Dia tanya kawan tu, "Qasa dak angin -- sejuk --?" dia kata. Dia kata, "Memang ada beqasa." Lima belas [15] minit [masa] lepas tu jadi qibut. Ha, tu hebatnya oqang Melayu.

**NSS : (Ketawa kecil) Betui --.**

SS : Lekeh dia satu [1] ja. Tau lekeh tang mana ?

**NFAH : Apadia ?**

**NSS : Kat mana ?**

SS : Tak rekod (sambil membuat isyarat menulis di tapak tangan).

SS : Kelemahan tang tu (sambil membuaat pergerakan tangan).

**NFAH : So [jadi] kiqa boleh la, apa keris ni, hulu-hulu keris ni dibawak ke peringkat tinggi, dijuai kepada oqang-oqang luaq negaqa?**

SS : Ha, InsyaAllah yang tu, memang kita (sambil mengerutkan dahi) yang kena usaha benda tu (pergerakan tangan).

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Kalau kata ni pun, memang sebelum-sebelum ni, \_\_\_\_\_  
Melaka [Malaysia]. *Souvenir* [cenderahati] keqis pun, dah dulu ni pun dah oqang bagi dah (gangguan bunyi signal).

**NFAH : Oqang bagi.**

SS : \_\_\_\_\_ *collector* [pengumpul] -- dia akan beli \_\_\_\_\_ keqis Melayu dulu ni, makna kata dulu ni Tok-Nyang depa mai di Melaka [Malaysia] ni, jadi oqang besaq di Melaka, jadi oqang kata \_\_\_\_\_ oqang kenamaan Melaka [Malaysia] ni hadiah keqis ni. Balik bawak keqis balik Belanda (gangguan bunyi signal). Makna kata *souvenir* [cenderahati] ni daqi dulu dah (sambil membuat pergerakan tangan) \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) jadi cenderahati. Jadi kita kata tak pelik sangat kita bagi *souvenir* [cenderahati] keqis --

**NFAH : Betui.**

SS : -- \_\_\_\_\_ dekat oqang luaq. Memang sungguh. Kita yang beqasa diri kita ni seolah-olah lekeh (sambil menunjukkan tangan kepada diri sendiri).

**NFAH : Betui --**

SS : Dekat depa nu, hebatnya bangsa Melayu ni.

**NFAH : Jadi kena tengok sejarah Melayu tu.**

SS : Kena (sambil mengangguk dan berdehem). Sama dengan depa pun, apa yang kita nampak (gangguan bunyi) depa tu sama dengan apa yang depa nampak kita (sambil membetulkan posisi kedudukan). Tapi dah keqana tulang belakang kita tu awai lagi depa kepak (sambil membuat pergerakan mematahkan). Depa takmau kita beqasa kita ni hebat (berdehem). Tu ja.

**NFAH : Faham.**

SS : Usaha-usaha kita nak memartabatkan balik ja benda-benda tu (berdehem). Tapi kalau kata, kita sendiqi pun takmau nak kata benda tu hebat, jadi oqang luaq ni yang taktau mana-mana ni lagi la kan (sambil senyum)

**NSS : Betui (sambil mengangguk).**

SS : Kita ceqita kalau tajam Pedang Samurai. Ni yang keqis kita ni lekeh sangat ka ? (ketawa kecil) (gangguan bunyi). Macam tu (sambil ketawa kecil). Lekeh pun ada yang lekeh (sambil mengangguk), Pedang Samurai tu bukan seqatoih [100] peqatoih tajam ada tu caqa. Keqis kita, pisau kita pun macam tu (pergerakan tangan dan berdehem). Cuma kita ni, yang patut memartabatkan benda-benda tu (sambil menghisap rokok daun).

**NFAH : Betui.**

SS : Tapi InsyaAllah la kita sama-sama kan (sambil menggigit rokok daun dan membuat isyarat tangan).



**NSS : Macam Che Din [Shahabuddin bin Sabu] kata kita kena martabatkan benda tu, keris ni sendiqi, macam mana kita nak martabatkan balik tu, macam anak muda sekaqang ni, depa ka yang kena menceburi bidang ni supaya tak dilupakan di masa akan datang?**

SS : Dia tak -- semestinya (sambil membetulkan kedudukan), kita kata oqang muda ni menceburi tukang apa (berfikir) pertukangan keqis. Cuma oqang kata depa memiliki. Sepatutnya bang- bangsa kita ni memiliki paling-paling takdak satu [1] (sambil membuat isyarat satu jari) (gangguan bunyi signal). Contoh kawan daqi kita kata, oqang Jepun mai kawan lah, kawan oqang Jepun mai (pergerakan tangan dan kepala) nampak keqis kat dinding tentu dia tanya, takkan kita nak ceqita lekeh keqis kita (membuat isyarat menunjuk di bahagian atas). Mesti kita ceqita, dia pun balik di sana ceqita kat oqang sana pulak kata keqis tu hebat betui dak ?

**NSS : Betui (mengangguk).**

**NFAH : Betui (mengangguk).**

SS : Kalau sepuluh [10] oqang ceqita macam tu, hebat tak hebat ? hebat benda tu (sambil membuat pergerakan tangan).

**NSS : Hebat.**

SS : Ha (berdehem). Empat puluh [44] kali kita berdoa, InsyaALLah makbul (sambil membuat isyarat tangan).

**NFAH : InsyaAllah (sambil senyum).**

SS : Kalau empat puluh empat [44] kali, \_\_\_\_\_ kita jumpa (gangguan bunyi), InsyaAllah makbul. Ha tu ja (membuat pergerakan tangan dan ketawa kecil).

**NSS : InsyaAllah (sambil senyum).**

**NFAH : Kiqa apa oqang kata, guna kuasa viral.**

**NSS : Ha, kuasa viral.**

SS : Ha, sama-sama usaha viral apa kan (berdehem). Tapi kita, bukan maksudnya semua oqang kena belajaq buat keqis, semua oqang nak kena belajaq macam mana pertukangan buat bilah keqis, dak. Memiliki tu yang penting (membuat pergerakan tangan dan berdehem). Beqapa oqang ja yang ada keqis, macam -- sembang tadi, keqis dengan pisau pun tak kenai (ketawa kecil), tu yang kita nak perbetui dulu (gangguan bunyi signal) (pergerakan tangan), pelan-pelan la oqang kata (ketawa kecil).

**NFAH : Pelan-pelan la.**

SS : Ha (sambil meletakkan rokok daun di mulut).

**NSS : Kena kenai dulu baqu boleh faham apa makna keris ni sebenarnya, baqu boleh *promote* [mempromosikan] dekat negaqa-negaqa luaq.**

SS : Ha -- (sambil mengangguk) yang tu ja.

**NFAH : Apakah pantang larang ketika memakai keris? Ada dak pantang larang dia? Macam sesetengah orang cakap tak boleh buat ni tak boleh buat tu? (menggosok mata)**

SS : Dia macam mana nak ceqita pantang larang (berfikir) payah nak ceqita juga benda alah tu cuma dia lebih kepada adab-- kita macam tu la. Dia jadi macam kata pantang larang ada yang tu tak boleh ada yang ni tak boleh dia lebih kepada apa orang kata macam pantang larang. Macam mana ceqita tak tau (berfikir)

**NFAH : Sebab kalau macam saya tengok kalau belajaq silat tak boleh buat ceni tak boleh buat centu.**

SS : Dia-- lebih kurang macam tu dia-- sebenarnya orang kata adab Melayu. Orang kata minum ayaq tak boleh sambil berdiri nak-- kena duduk diri pun hang minum sengkak banyak sengkak macam tu juga (isyarat tangan) betui dak?

**NFAH : Betui (menangguk)**

**NSS : Betui**

SS : Dia hat tu dia ada la kebaikan-- dia sebab kata jangan buat ni kena buat ha macam tu. Keqis pun macam tu la.

**NFAH : Kiq ada benda la nak kena jaga**

SS : Ha dia ada benda yang nak tengok. Macam yang kita sembang hari tu ceqita-- bilah tu bilah keqis tu yang bilah keqis tak boleh pegang pakai tangan. Ada haqi tu kita sembang tu keqis ni dia letak atas kuku ja keqis tu jadi kita boleh nilai la orang ni dia qeti ka tak qeti (memegang rokok) ka dia-- pegang buat macam tu ka bilah keqis tu kan? Ada yang keqis dia cium dia sebenarnya dia cium besi tu dia cium ibu jari dia (isyarat tangan)

**NFAH : Kami ingatkan dia cium besi tu!**

SS : Dia keqis tu ceqita keqis lama sebenarnya dia dah di letak racun sebab tu keqis ni dia bisa bila sebut kata senjata orang-- kata walaupun bukan keqis dia-- tak boleh nak amik hiris nak makan contoh nak kupas buah ka tajam sama juga tapi sebab dia senjata campuran-- besi dia tu dibuat khas untuk bisa jadi tak sesuai lama benda-- makan tambah la keris lagi sakan la dia-- punya apa nama aura dia tu sebab tu dia tak boleh cium besi tu dia orang cium-- ibu jari (meletakkan jari di bibir)

**NFAH : Yang kita tengok dalam TV apa semua tu?**

SS : Ha bukan dia cium besi (tergelak kecil) tapi sekali pandang memang kita nampak dia cium la

**NFAH : Betui**

SS : Kalau kita tengok dari tepi baru kita nampak dia cium ibu jari dia kalau kita tengok dari depan memang dia cium keqis la tapi ada juga yang cuim keqis bukannya tak dak tapi sebenarnya cium ibu jari tapi dia punya ada la falsafah-- dia apa maksud dia ibu jari kan?

**NFAH : Ada maksud?**

SS : Ha ibu jari ni dia-- ibarat nombor satu Tuhan la maksud dia kan pastu yang kedua yang yang ketiga yang keempat dia sebab apa dia ada lima jari dia ada la huraian-- dia sebab tu dia cium ibu jari sebab ibu jari ni yang nombor satu.

**NFAH : Okay.**

SS : Jika makan pun kalau tak dak yang ni memang kita susah nak makan la walaupun makan pakai tangan walau makan pakai camca nak buat apa yang ni yang paling penting walaupun dia pendek betui dak? (menunjukkan ibu jari)

**NFAH : Betui-- (mengangguk)**

SS : Cuba pegang pakai yang ni tengok (menunjukkan empat jari yang lain selain dari ibu jari) boleh la pegang tapi pegang kita tu tak sempurna (memegang rokok)

**NFAH : Tak puas.**

SS : Ha (berdehem) tu yang ni nombor satu (menunjukkan ibu jari). Kalau dalam indah bahasa lama dia panggil macam apa tuhan la tuhan ibu jari ni sebab tu dia cium ibu jari. Ha macam tu la.

**NFAH : Faham-- macam Che Din [Sahabuddin bin Sabu] kata tu yang mencium apa semua cium ibu jari keris apa tu bagi Che Din [Sahabuddin bin Sabu] benda tu perkara biasa tak?**

SS : Dia orang kata sebagai kita hormat kepada senjata. Faham? Macam contoh kita tak hormat dia macam benda-- tajam lain pisau kita langkah dia. Sebab apa orang tak bagi langkah? Kalau hang langkah lepas takpa kalau langkah tak lepas? Pisau tu tak makan kaki?

**NFAH : Betui.**

SS : Kan? Tu yang kita kata tadi dia lebih kepada falsafah tapi dalam falsafah tu dia ada huraian-- dia kalau kita nak tengok malam ni sampai esok tak habih (tergelak kecil)

**NFAH : Betui-- (mengangguk)**

SS : Sebab huraian dia tu tapi sebenarnya kita pun tak kenai la bab-- tu kan--

**NFAH : Tapi tau la sikit--**

SS : Ha tapi kita lebih kepada tukang, tukang buat pakaian tapi bila kita jumpa yang orang macam tu kita sembang la ada yang lebih kepada mistik, ada yang lebih kepada sejarah, ada yang lebih kepada seni. Seni pembuatan kan? Dia-- tak peduli barang ni barang lama ka mistik ka ada hantu ka takdak hantu ka dia-- tak peduli dia kerja dia nilai seni dia tu. Bentuk dia, lenggok dia tu ada yang macam tu. Ada yang nak mistik. Keris ni ada khadam ada penunggu kalau pacak dia terpacak boleh seru dia--

**NFAH : Allah.**

SS : -- Ada yang gaya macam tu kan? Tu yang kita kata dia ada tiga bahagian tu. Masing-  
- kita la penilaian kita sebilah keris tu. Sebenarnya dia tu adalah besi kita yang  
membuat dia menjadi-- macam tu.

**NFAH : Betui, kita yang dok buka reka-- benda tu.**

SS : Ha kita yang mewarnai dia tu. Masuk dengan jampi serapah la apa la tapi  
sebenaqnya dia tu adalah besi. Hasil seni seorang pengkarya dari tukang besi tu je  
la dia (memegang rokok) asas dia tu. Kita yang-- apa orang kata mewarnai dia.

**NFAH : Mencerakkan dia la?**

SS : Ha kita buat dia bagi ada khadam la kita buat bagi nampak seni cantik menarik kan?  
Keris ni sebenarnya dia boleh dipacak, pacak diri hulu di atas bilah di bawah. Dia  
boleh terpacak sebab keseimbangan dia.

**NFAH : Keseimbangan dia?**

SS : Ha bukan kerana ada jin yang tolong pegang--

**NFAH : Selama ni sebab dia boleh seimbang la?**

SS : --Keseimbangan dia tapi tak kesemua la tukang-- boleh buat keseimbangan dia  
tu. Kalau yang-- lebih kepada mistik dia kata ada khadam jaga.

**NFAH : Percaya lebih.**

SS : Bagi kami yang hat seni ni dia adalah keseimbangan walaupun hulu dia tu bengkok  
ke depan (isyarat tangan) kalau kita tengok memang nampak tak seimbang la bila

kita pacak atas seni pembuatan tu dengan berat besi dengan berat hulu dengan kedudukan yang kita letak tu dia mampu terpacak. Tu yang kita kata lebih kepada seni. Macam kita cerita tadi macam tu la (memegang rokok)

**NFAH : Faham-- (menangguk) lepas tu Che Din [Sahabuddin bin Sabu] kan setengah orang kita nampak dia ada buat apa sebelum dia nak buat keris tu saya ada baca kata yang depa membaca doa tertentu yang membantu dalam proses keris ditempa?**

SS : Ha tu yang-- macam kita cerita tadi kita yang-- mencorakkan dia. Dia itu adalah besi kalau kita nak baca dari asal usul besi. Besi sebenarnya dia tak dak dari atas bumi dalam quran pun dah kata betui dak? (memegang rokok sambil menangguk)

**NFAH : Betui.**

SS : Besi tak dak di atas bumi. Dia nak-- menjadikan besi kena berapa ratus ribu darjah celcius baru tanah pasiaq batu ni mampu dijadikan besi sebab tu kalau ikut panas besi kita tak boleh lebuq besi. Panas dia atas muka bumi ni paling tinggi berapa darjah celcius? (memegang rokok)

**NFAH : Berapa? (tersenyum)**

**NSS : Tinggi.**

SS : \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) jadi kita kata dari tunggul kayu ka ketul kayu ka mampu menjadi besi kan? Besi tu bukan berasal dari bumi. (isyarat tangan sambil memegang rokok)

**NSS : Faham-- (menangguk)**

SS : Ha faham. Dia tu yang-- kita kata benda tu ada pada tiga bahagian tu ada yang dari segi nilai sejarah, ada pihak yang menilai dari seni, ada yang menilai dari segi mistik dia ha lagu tu la (isyarat tangan sambil memegang rokok). Bila dia hurai--

lagi tu dari mana asal usul besi macam-- wujudnya-- dinosaur dulu ni pun dalam sejarah sains orang putih ni pun kata dinosaur ni memang wujud tapi mana dia dinosaur tu? Kan?

**NSS : Betui-- (tersenyum)**

SS : Ha sebab-- tu la yang kita kata besi tu bukan dari-- bumi (berdeham)

**NFAH : Faham (menangguk)**

SS : Besi tu keqas dia-- jatuh mai di bumi ni. (isyarat tangan)

**NFAH : Faham--**

SS : Ha kalau nak *detail* [terperinci] lagi kena Google [platform carian] tengok la (tersenyum)

**NFAH : Ha betui, kena buat *research* [kajian] la (tersenyum)**

SS : Bukan kita pandai sangat boleh la kalau takat nak muhung sikit-- tapi tu la (tergelak kecil sambil membetulkan kedudukan)

**NFAH : Pastu Che Din [Sahabuddin bin Sabu] saya nak tanya apakah yang dimaksudkan dengan keris tu dikatakan hidup dan mempunyai semangat?**

SS : Ha kita yang-- mencorakkan tu \_\_\_\_\_ (gangguan bunyi) (menangguk). Kita yang menghidupkan dia kalau kata kita contoh kalau dari-- pandangan mistik orang mati kita boleh seru bagi hidup balik? Logik akal tak logik akal?

**NFAH : Dak.**



SS : Tak logik.

**NFAH : Tak logik (menggeling)**

SS : Ha keris pun sama tapi bagi orang yang cenderung ke arah tu--

**NSS : Percaya?**

SS : --Ha (menangguk) dia memang logik sebab ada jampi-- serapah yang mampu buat ni tapi dia-- akan orang kata akidah kita tu la kan? (memegang rokok) ha jadi kepercayaan kita tu dia-- berubah la sebab bila dah mati hang berpisah antara dua dunia kan? Dunia nyata kita dengan alam roh (memegang rokok) jadi kalau hat alam roh pun hang boleh hidup balik jadi yang hang semayang tadi yang hang percaya cakap tuhan tak dak la dah Allah kata bila mati habis la berpisah antara dua [2] kan? (memegang rokok sambil membuat isyarat tangan)

**NFAH : Betui (mengangguk)**

SS : Ha macam tu la (tersenyum sambil berdeham) bagi-- orang yang ni benda tu boleh la tapi kita yang tak ke arah tu (isyarat tangan) kita kata tak boleh la (berdeham) sama juga dengan keris tu pun. Macam kita kata awai tadi dia tu adalah besi kita yang mencorakkan dia nak bagi dia ni indah dipandang ka hebat dia kita yang (memegang rokok sambil berdeham)

**NFAH : Faham pastu menurut Che Din [Sahabuddin bin Sabu] betui ka yang hulu keris yang diperbuat daripada kayu penawaq hitam dapat menjadi penawar bisa dan menghentikan darah?**

SS : Ha yang tu sains telah buktikan (mengangguk) yang tu ha sebab dia ada-- kandungan apa la dalam kayu tu tapi zaman dulu ni pun sebelum wujud sains ni orang kita ni dah-- ni dah tapi dia tak boleh nak huraian la macam contoh kita (menoleh ke kanan)

sambil berfikir) kata orang luka kan? Di hutan contoh luka kena parang apa yang-- kita nak hentikan darah tu? Kalau dah balut dengan kain *bandage* [pembalut] pun darah masuk dok keluaq. Apa benda yang kita nak-- caqi nak-- tutup hentikan darah? Kalau orang yang ke arah tu dia tau la pokok ni daun ni boleh kan? Dulu pun macam tu ja kayu tu pun dia antara kayu-- yang hebat yang orang kata--

**NSS : Unik la?**

SS : --Yang boleh kurangkan bisa tu sementara kita nak pi jumpa dukun yang boleh buang bisa la apa la kan sementara dia mampu bertahan la. Sebab tu dia hulu-- keris ni ada kayu terpilih bukan semua-- kayu. Keris ni dia ada nilai yang ni la yang orang kata *high value* [nilai tinggi] dia macam tu sebab tu la sebab besi pun nak kena pilih bukan boleh kita kata pi kedai besi buruk besi ni-- aku amik ketuk buat keris (memegang rokok)

**NFAH : Tak boleh?**

SS : Boleh (isyarat tangan) tapi orang kata kehebatan dia tu tak dak la. Kayu--

**NSS : Kualiti dia tak sama.**

SS : Ha (mengangguk) kita pi kilang kayu pun kayu banyak amik jelah nak buat kan? Tapi apa kelebihan dia kayu ni? Sebab tu dulu keris ni dia adalah senjata. Senjata untuk bertempur. Bertempur ni dia boleh mencederakan kita takkan dah-- kena cedera tangan ka cedera perut ka hang tunggu sat kata lima belas minit satgi aku mai lain aku nak pi balik rumah amik ubat dulu. Boleh dak? (memegang rokok)

**NFAH : Tak boleh (tersenyum)**

SS : Ha tengah dok perang kan? (tergelak kecil sambil memegang rokok) hat tu la dia gigit yang tu sementara, sementara nak-- ni--

**NFAH : Kiqa orang zaman dulu dia bijak la?**

SS : Dia kata ilmu kuno la zaman tu tapi ilmu kuno pun bukan kita kata dia ni tak hebat orang hebat cuma dia-- yang pertama dia tak dak rekod kan? Yang kita ceqita hari tu bangsa Melayu ni. Bangsa Melayu dia tak dak rekod dia tak buat kitab dia tak macam orang putih, Arab dia buat apa-- dia ada Kitab. La ja orang buat apa ceqita haqi ni masak ikan-- kembang dengan gulai cacap masuk dalam TikTok [aplikasi sosial media] rekod. Dulu-- takdak Cuma dulu duduk dalam otak dia. Sebab tu bila mati tukang ni belum tentu anak cucu dia ni akan hebat macam dia kan? Sebab cucu ni- kecuali cucu ni minat anak cucu ni minat. Dia dilahirkan di bumi dia celik mata tu dia dah nampak dah macam mana ayah aku bekerja, macam mana ayah aku ketuk besi, ketuk sampai warna apa, macam mana kan kecuali dia ada minat. Kalau dia tak minat kalau ayah dia dah mati baru dia nak mula susah la nak dapat seratus [100] per ratus apa hat tadi ni buat.

**NFAH : Betui.**

SS : Ha sebab tu orang kata kita-- kena menuntut.

**NFAH : Benda-- yang baik wajib di belajar la.**

SS : Ha (mengangguk)

**NFAH : Seterusnya saya nak tanya, menurut Che Din [Shahabuddin bin Sabu], betui ka yang dulu kan ada keris Taming Sari, Che Din [Shahabuddin bin Sabu] tau dak keris Taming Sari?**

SS : (Mengerutkan dahi) Ha --

**NFAH : Betui ka keris tu merupakan keris yang termasyur? Macam hebat oqang kata.**

SS : Kalau dari segi sejarah, memang keqis yang terhebat (sambil mengangguk).

**NFAH : Ha pasai apa depa cakap dia hebat tu? Pasai apa tak \_\_\_\_\_, sama dak dengan keris lain-lain?**

SS : Ha (tersenyum sambil menoleh ke sisi). Ceqita Taming Sari ni (sambil meletakkan rokok daun di atas meja), dia terbahagi kepada tiga [3] (sambil membuat isyarat tiga jari). Yang pertama [1] 'Hang Tuah'

**NSS : Ha (sambil mengangguk dan tersenyum)**

SS : Yang kedua [2] bilah keqis tu, yang ketiga [3] batu permata

**NFAH : Batu? (sambil membuat reaksi terkejut)**

SS : Hulu -- keqis tu (sambil membuat pergerakan tangan), pernah -- tengok dak hulu Taming Sari?

**NSS : Ha. Ada yang batu permata dekat hulu dia (sambil membuat pergerakan tangan).**

SS : Dekat hulu dia, kan dia ada batu-batu hijau tu. Ha dia, tu yang kita kata tiga bahagian tu. Yang pertama si pemakai dia tu, 'Hang Tuah', yang kedua besi -- yang buat keqis Taming Sari tu, yang ketiga batu permata di hulu tu. Antaqa tiga [3] tu, yang mana yang paling hebat ? (sambil membuat isyarat tiga jari). Benda ni memang -- oqang pertikai (sambil mengangguk). Adakah hebat keris Taming Sari ni keqana batu di hulu, atau hebat Taming Sari ni pada bilah besi ni, besi si tukang tempa yang -- (sambil mengerutkan dahi dan berfikir) apa yang Majapahit tu, yang asai yang -- *owner* [pemilik] mula Taming Sari tu, dia nak, dia ambik Taming Sari tu, tukang yang ketuk bilah buat Taming Sari tu, dia tikam bagi mati buang tau. Ha, sebab apa dia bunuh buang ? Sebab dia nak satu [1] tu saja (sambil menunjukkan

satu jari), dia takkan ada dua [2] takkan ada tiga [3] (sambil menunjukkan dua dan tiga jari)

**NFAH : Faham -- (mengangguk)**

**NSS : Faham.**

SS : Satu [1] tu, yang satu [1] ni ja ada (sambil menunjukkan satu jari). Ha (ketawa kecil).  
Ha tu yang kata hebatnya Taming Sari tu adakah hebatnya si Hang Tuah ni, hebatnya besi yang tukang tadi ni buat, ka hebat si batu permata tadi ni? (sambil membuat pergerakan jari). Ha yang tu memang oqang pertikai (gangguan bunyi). Ayam dulu ka teloq dulu ? (ketawa kecil). Ha dia macam tu (sambil mengangguk dan pergerakan tangan). Tapi oqang kata tak -- dapat, tapi daqi segi oqang kata ni (sambil melihat ke sisi), antaqa keris yang terhebat. Sebab yang -- oqang kata yang milik keqis ni pun bukan kata calang-calang oqang, dia ketuqunan Raja (berdehem)

**NFAH : Zaman dulu (mengangguk).**

SS : \_\_\_\_\_. Ha (berdehem). Kalau daqi -- kita baca daqi sejarah Taming Sari ni dia ada Taming Sari satu lagi apa nama dia tu. Bila simpan dia kena ada dua tu. Kawan kep - kawan dia lah. Mungkin ka - kalau contoh macam oqang, mungkin si suami ni panas baqan, anak isteri dia ni oqang yang pandai memujuk, jadi panas baqan ni dia boleh *control* [kawal], sebab tu dia ada dua (sambil membuat pergerakan jari). Ha (mengangguk), tapi nama tu kita tak ingat nama satu lagi tu. Tapi keqis dua ni memang tak -- boleh nak -- pisah (berdehem). Pun bukan kesemua oqang boleh -- ambik pegang tengok apa, dia antara waqisan yang -- oqang taknak -- ni sangat (sambil mengetuk rokok daun dan berdehem).

**NFAH : Faham -- (mengangguk).**

SS : \_\_\_\_\_ dia *something* [sesuatu] la (sambil menggeleng) keqis ni (berdehem). Tu yang -- oqang kata hebat dia tu (berdehem). Kadang-kadang macam kita kata tadi kita yang membuatkan dia tu macam tu (sambil membuat pergerakan tangan).

**NFAH : Buatkan dia jadi hebat apa semua tu.**

SS : Ha -- (mengangguk), kita sendiqi, jiwa kita tu

**NSS : Ha -- (senyum dan mengangguk)**

SS : -- yang buatkan dia macam tu. Kalau kata dia dah macam tu, tapi kita tak buat bagi dia macam tu, dia tak -- ni. Oqang putih jajah kita dulu ni yang paling pertama sekali dia patah apadia? Yang dia tanam takmau bagi tau (sambil mengerakkan kepala dan tangan) tau dak apadia ? (sambil mengerutkan dahi) Sejarah kita (sambil menggerakkan jari).

**NFAH : Oh ha betui.**

SS : Ha (sambil mengangguk).

**NFAH : Betui --**

SS : Dia tak -- bagi (sambil menggeleng) anak cucu ni tau sejarah peqang dulu ni (berdehem). Sama di Vietnam, peqang Vietnam. Kan kita tengok ceqita 'Rambo', depa Amerika la menang, 'Rambo' \_\_\_\_\_ *salute* [tabik] (sambil mengangguk dan tersenyum), tengok lagi ceqita 'Rambo' ? (sambil mengangguk)

**NFAH : Tengok --**

**NSS : Tengok -- (sambil senyum)**

SS : Ha sebab apa dia buat filem macam tu ? Sebab apa dia buat filem tu ? (menggerakkan tangan dan mengangguk). Dia nak ceqita depa ni hebat (berdehem), sedangkan depa ni kalah (sambil menggerakkan tangan). Ha -- tu la sejarah kita pun sama macam tu la, dia kata, “Kita patahkan tulang belakang dia dulu.” Apa dia tulang belakang tu ? Sejarah kita. Bila kita taktau sejarah tok nenek kita dulu ni, kita takdak apa la, “Aku oqang besa ja.” (mengajuk) tapi sedangkan kita ni dulu ni oqang hebat. Macam la, dah -- oqang kata zaman -- internet apa kan, mulalah keluaq ceqita oqang Melayu dulu ni keliling dunia

**NFAH : Hm betui.**

SS : Ha kalau tak (sambil menggeleng) keqana ni, kita taktau (menggeleng), kita kata, “Oqang putih la hebat. Apa pulak oqang melayu, oqang Melayu dok situ tak pi ke mana pun.”(mengajuk). Tapi dak, \_\_\_\_\_ (ketawa kecil) macam tu.

**NFAH : Faham -- kiqanya nak nampak kebaikan dia ja.**

SS : Dia -- Ha -- Dia -- takmau (menggeleng) ceqita kata kita ni hebat. Kita oqang Melayu ni sebab tu yang haqitu kita ceqita (berdehem dan berfikir), Inggeris tak bagi kita bawak senjata.

**NFAH : Hm ha ada -- (mengangguk).**

SS : Ada kita ceqita haqitu ni ? (mengangguk). Ha (berdehem) (gangguan bunyi cicak). Dia kata, “Bangsa Melayu ni kalau ada senjata di badan dia -- “ pakaian dia la maksudnya kan, senjata yang kita bawak (berdehem), dia ada satu aura tu, aura keberanian tu

**NFAH : Hm betui (mengangguk)**

SS : Ha \_\_\_\_\_ bila kita ceqita senjata ni kita seolah-olah macam takut, macam -- kita pi mana-mana contoh kita ni, macam kita budak-budak, kita pi contoh kita pi pekan, kalau kata kita pi pekan soqang-soqang macam mana perasaan kita? Kalau kita pi dengan mak ayah kita macam mana perasaan kita? (sambil membuat pergerakan badan seperti takut), seolah-olah ada tulang belakang kita tu. Kalau kita takut pun, sembunyi tepi mak, sembunyi tepi ayah. Ha dia senjata ni pun dia macam tu bila kita (gangguan bunyi) terkejut apa-apa, teqingat senjata ada kat kita (sambil membuat pergerakan badan dan tangan).

**NFAH : Hm betui (mengangguk).**

SS : Kan ha hat tu yang dia taknak kita pakai (sambil menggeleng). Depa dah --

**NSS : Tak bawak senjata.**

SS : Ha. Paham -- dak ceqita -- maksud -- yang kita ceqita tu

**NFAH : Faham. Kira --**

**NSS : Faham (mengangguk)**

**NFAH : Kira ada --**

**NSS : Maksudnya kita tak bawak senjata tu, takdak apa-apa kat kita, kita ni kiqa lemah kalau takdak senjata masa dulu tu.**

SS : Ha -- macaam tu. Jadi (mengerutkan dahi dan melihat ke atas) aura keberanian tu dia takdak.

**NFAH : Ha betui -- (mengangguk).**

SS : Ha macam tu (berdehem dan memegang sesuatu di tangan) (gangguan bunyi). Tapi (berfikir) mungkin dah -- mungkin dah kita perjanjian ka macam mana ka yang tu kita taktau (menggeleng). Sebab tu la ni pun (berdehem), tapi bila dah la ni



(berfikir) dah ada persatuan-persatuan apa ni, depa dah -- mula berdaftar, jadi kita dah -- boleh ketengah dah keqis. Dulu tak boleh, dia -- kategori senjata, senjata kita takleh pamer. Kita kena simpan letak di muzium (pergerakan tangan). Ha la bila ad-ada persatuan-persatuan yang beqani bersuara, dah -- mula keqis ni kita boleh pakai, ada oqang kata *event-event* [majlis-majlis] yang (berfikir) (gangguan bunyi) oqang kata macam

**NSS : Buat pameran.**

SS : Ha (mengangguk), pameran-pameran apa nama senjata-senjata Melayu kan, yang -  
- mana yang pi apa ahli persatuan, boleh pakai pakaian dulu, Busana Melayu, kan. Ha tu dah -- mula dah (pergerakan tangan). Dulu tak boleh (menggeleng) keqis banyak- sebab tu ada oqang kata (berdehem dan memegang rokok daun), pisau ni pisau yang -- haqitu kita ceqita pisau lapah tu kan

**NSS : Ha (mengangguk).**

SS : Ada yang kata pisau lapah tu keqih (pergerakan tangan). Sebab apa pisau lapah tu keqis ? Sebab tak pernah nampak keqis tu macam mana (pergerakan tangan). Bila nampak cantik, ha ni keqis. Bila kita kata, "Cik ni bukan keqis, ni pisau." Apa beza? Sama. Pendedahan dia tu takdak (berdehem) (gangguan bunyi).

**NSS : Ha.**

**NFAH : Kiqa dia taktau beza la dua [2] tu.**

SS : Ha -- (mengangguk). Dia -- kalau -- dulu pun dia cuma oqang kata sepintas lalu kalau kata buku-buku pun. Sebab bila takdak pendedahan nak -- ceqita pasai senjata-senjata Melayu ni (gangguan bunyi), jadi oqang kata cuma sebagai oqang kata -- sembang sambil lalu ja, dia -- tak masuk, dia tak ingat (berdehem).

**NFAH : Hm (mengangguk) faham.**

SS : Ha -- kalau kata tak sabit kajian ni, kajian bab -- keqis ni (mengangguk)

**NSS : Ha (mengangguk).**

SS : Kenai dak keqis? (gangguan bunyi)

**NFAH : Dak sangat. *Just* [hanya] cuma tau keris tu macam mana ja.**

SS : (Ketawa kecil) Ha -- tu (mengangguk dan berdehem)

**NFAH : Kiqa --**

SS : Sebab kita pendedahan awai kita tu.

**NFAH : Ha (mengangguk).**

SS : Tapi la ni Alhamdulillah la oqang dah -- mula bukak mata. Yang kata keqis ni setiap qumah bangsa Melayu (melihat ke hadapan) wajib ada sebilah keqis. Okey kan. \_\_\_\_\_ kita memang -- kita sokong seqatoih [100] peqatoih. Sebab dia ni kebanggaan kita.

**NFAH : Betui (mengangguk) (gangguan bunyi).**

SS : (Berdehem) (gangguan bunyi) Ha macam -- haqi 31 Ogos, pasai pa dok bubuh bendera? (sambil memegang rokok daun). \_\_\_\_\_ bendera? Kan?

**NSS : Kebanggaan kita, haqi -- ni --**

SS : Ha (mengangguk)

**NFAH : Hari bersejarah**

**NSS : Merdeka.**

SS : Ha haqi kemerdekaan kita, haqi kita bebas.

**NSS : Ha (sambil senyum)**

SS : Keqis ni pun macam tu jugak (mengangguk). Dia sejenis senjata yang penaikkan semangat kita. “Keqana keqis ni dulu aku boleh hidup senang lenang macam la.”

**NFAH : Hm betui (mengangguk).**

SS : \_\_\_\_\_ bukan bangsa Melayu dulu ni takdak pistol, takdak meqiam, ada. (Gangguan bunyi). Ada takdak?

**NFAH : Ada – (mengangguk).**

SS : Ha (mengangguk). Tu yang kita kata ni kita kalau kita kiqa dengan jaqi, kita dah boleh dapat dah maklumat bangsa oqang-oqang Melayu hebat ka tak hebat (gangguan bunyi). Dulu memang oqang tak -- ceqita (menggeleng dan berdehem). Dia kata, “Peqang Melayu lawan Inggeris pakai pedang, pakai keqis.” \_\_\_\_\_ kita ni lekeh. Hang -- lagu tu ja, bila hang mai dekat baqu boleh tikam. Dia dok hujung dia tembak kita. (sambil membuat isyarat penembakan dari arah tepi). Tapi sebenarnya (pergerakan tangan).

**NSS : Daqi jauh pun boleh dah (ketawa kecil).**

SS : Ha (mengangguk). Meqiam yang dok ada di Wat Siam di Bangkok [Thailand] tu, meqiam besaq tu, adalah meqiam Kedah [Malaysia].

**NFAH : Oh.**

SS : Ha bila Kedah [Malaysia] dah jatuh, (berfikir) Kedah Tua [Malaysia] dah jatuh, peqang 'Musuh *Visit*' [ziarah] (gangguan bunyi), kalau tak salah Siam [Thailand] dah qampas meqiam tu. Kalau tak silap tiga [3] biji apa meqiam tu (sambil menunjuk) --. Meqiam tu bangsa Melayu yang buat. Ilmu banyak , bangsa Melayu yang pandai sangat guna meqiam pun boleh buat (isyarat tangan). \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (sambil menggeleng dan ketawa kecil)

**NSS : Ha (sambil senyum).**

SS : Ha (mengangguk) tu kata bukannya (menggeleng) lekeh sangat oqang Melayu, tapi dah keqana dipatahkan sejarah kita (sambil membuat pergerakan mematahkan).

**NFAH : Dia -**

SS : Dia, "Eh betui ka?" (sambil membuat pergeraan seperti terkejut), ha dia jadi -- buat heqan kan. Ha, macam tu la, tapi sebenaqnya hebat oqang Melayu (mengangguk) (gangguan bunyi)

**NFAH : Betui.**

SS : Piston tu (sambil membuat isyarat jari menembak) dia panggil, apa Ayob, apa -- protok - protokol, piston hat cita P. Ramlee [Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, pelakon, pembuat filem, pemuzik, dan komposer] tu 'Enam Jahanam' dia kata apa senjata ajaib tu (sambil bercakap dengan anaknya dan ketawa kecil), yang tu piston tu, Melayu yang mula (gangguan bunyi).

**NFAH : Oh hebat jugak.**

SS : Ha (mengangguk) (gangguan bunyi dari orang lain). Melayu ni yang -- kata (gangguan bunyi dari orang lain) (berfikir) Nusantara tu, bukan Malaysia saja Nusantara. Indonesia pun Nusantara.

**NFAH : Aceh [Indonesia] (mengangguk).**

SS : \_\_\_\_\_ pun Nusantara (pergerakan tangan dan mengerutkan dahi) ha bang-, Nusantara ni (gangguan bunyi cengkerik). Sebab dia berpandukan 'Kitab', 'Hadis', benda tu yang (mengangguk) kita ceqita tadi ni besi tu bukan dari bumi. Oqang dulu dah tau dah (gangguan bunyi). Awat yang (sambil menggeleng) nak koqek tujuh qatoih kaki ke dalam bumi, mungkin kita dapat besi yang lagi hebat. Pasai apa nak caqi di atas-atas ni ja besi. Dulu ni (berdehem dan gangguan bunyi), bijih besi terhebat (gangguan bunyi)

**NFAH : Bijih besi.**

SS : Tanah Melayu. Dia hantaq ke Rom [Itali] (gangguan bunyi). \_\_\_\_\_ buat apa kita tak ingat dulu di -- Rom [Itali] nu (gangguan suara orang ketiga), bijih besi tu asai daqi -- kita di Nusantara, Tanah Jawi kita panggil masa tu (mengangguk dan membuat pergerakan tangan). Bawak pi ke Rom [Itali]. Rom [Itali] nu bukan Indonesia (sambil tersenyum) di Rom [Itali] nu

**NFAH : Betui, jauh.**

**NSS : Jauh (ketawa kecil).**

SS : \_\_\_\_\_ bawak pi sana. Sebab tu depa me - mati-matian nak jajah kita ni (pergerakan tangan dan gangguan bunyi). Sebab apa ? Ha sebab benda-benda macam tu. Ha, dia mai daqi (sambil mengerutkan dahi) oqang kata pedagang. Macam \_\_\_\_\_ ceqita kita (berfikir), ceqita P Ramlee [Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, pelakon, pembuat filem, pemuzik, dan komposer], kalau tak salah yang, Cina tu dia masuk kampung juai ikan (gangguan bunyi). Dia ni mata-kata komunih tau (gangguan bunyi). Dia pandangan ataih dengan kapai teqebang (sambil pergerakan tangan dan gangguan bunyi) dia nampak kampung ni tak nampak, nampak hutan qimba (pergerakan tangan). Tapi bila dia hantaq perisik di

bawah ni, oh dia kata, “Ni bukan hutan qimba, ni hutan getah.” Di bawah ni ceqah, sebab tu bila dia teqejun daqi ataih, sampai di bawah ni, kita dah nampak dah. Sebab di bawah ceqah, dia pandangan dia daqi ataih. Ha tu \_\_\_\_\_ dia tu. Ha -- ceqita yang tadi ni pun, hok yang ceqita bijih besi apa tu. Ha daqi pedagang tu lah, yang kata pedagang-pedagang Belanda, pedagang-pedagang Arab, buat pertukaran qempah apa (sambil membuat isyarat tangan) (gangguan bunyi) semua tu. Ha -- tu. Yang baru jumpak yang terbaqu ni di -- Sungai Petani [Kedah, Malaysia], jumpak tempat yang leboq besi tu

**NFAH : Ha, dekat Yan [Kedah, Malaysia] ka mana tah. Baling [Kedah] eh ?**

SS : Bukan -- di mana Ayob ?

**NFAH : Apa dekat *area* [kawasan] -- Kedah [Malaysia] kan?**

SS : Mer-Merbok [Kedah, Malaysia] (mengangguk)

**NSS : Lembah Bujang [Kedah, Malaysia], Merbok [Kedah, Malaysia] (teruja dan tersenyum)**

**NFAH : Ha, Merbok [Kedah, Malaysia] (teruja)**

SS : Merbok [Kedah, Malaysia] -- Ha -- (sambil isyarat tangan) tempat leboq besi tu qatusan taun dulu. Bukan kata taun 98' [1998] ni. Dulu ni (ketawa kecil) (gangguan bunyi). (Gangguan suara orang ketiga) Hat tu dia bukan kot, yang tu apa nama hat Hindu (agama) tu, hat lama yang tu (sambil bercakap dengan isteri)

**NSS : Candi [Lembah Bujang, Kedah].**

**NFAH : Yang tu Candi [Lembah Bujang, Kedah].**

SS : Ha -- (mengangguk) hat tu dia agama Hindu (gangguan suara orang ketiga). Ha ada la jugak yang tu pun. Ha (mengangguk) dekat tu la, dekat tu la (respon terhadap

orang ketiga). Makna kata kawasan -- tu la (sambil membuat isyarat tangan). Dia duduk dalam -- oqang kata dalam Kedah [Malaysia] (berdehem sambil mengetuk rokok daun).

**NFAH : Betui.**

SS : Maknanya dia duduk dalam Tanah Jawi ni (gangguan bunyi), tanah Nusantara ni (gangguan bunyi).

**NFAH : Betui, lepastu oqang apa, oqang yang mai menjajah tu nak benda tu, tu yang dijajah tu.**

SS : Ha (mengangguk), dia nak benda tu saja.

**NFAH : Betui.**

SS : Sebab tu dia nak bermati-matian (menggeleng) (gangguan bunyi).

**NFAH : Depa takdak benda tu, tu yang depa usaha dapatkan.**

SS : Ha, depa ada, bukan takdak (menggeleng), depa ada.

**NFAH : Depa ada?**

SS : Ha, macam Jepun pun la ni (berfikir) depa buat pedang dia tak pakai besi yang kita pakai tau.

**NFAH : Lain.**

SS : Ha, kita pakai besi-besi *spring* [keluli] apa, depa masih lagi pakai bijih besi, benda-benda yang macam ketui-ketui batu tu, dia leboq dia akan keluaq taik dia apa dia

akan tinggai bijih besi, besi yang hat bijih tadi, bijih besi tu, dia tinggai besi, dia himpun-himpun besi (gangguan bunyi notifikasi telefon mudah alih), dia leboq, dia jadi satu macam kita kata kalau emas dia panggil jongkong, yang ni besi (sambil membuat pergerakan tangan) baqulah dia buat pedang (gangguan bunyi).

**NFAH : Faham (mengangguk).**

SS : Ha macam tu (mengangguk). Dia macam kita la ni kita caqi besi yang besi, faham?

**NSS : Ha --.**

SS : Maksudnya (sambil menoleh ke kiri) contoh macam (berfikir) landasan kereta api, *spring* [keluli] -- lori, tu dah besi

**NFAH : Yang dah nampak bentuk dia**

SS : Ni bijih besi. Ha, depa pun ada (pergerakan tangan), bukan takdak (mengangguk) sebab dulu ni bila 'Meteor' pecah jatuh ke bumi ni, ha dia -- mai ceqita macam apa ni dah (ketawa kecil sambil menyetuk rokok daun). \_\_\_\_\_ viral dah (menyetuk rokok daun).

**NFAH : Takpa --**

SS : (Berdehem) Dia masa tu dia -- pecah meqata. Pecahan tu yang kata mati dinasour apa tu kan (gangguan bunyi) \_\_\_\_\_ depa, yang tu biaoq pi (pergerakan tangan dan ketawa kecil). Nak -- kaitkan keqis kita ni (gangguan bunyi). Ha (mengangguk) tu. Depa pun ada (mengangguk), tapi mungkin kita ni keqana, sebab depa negaqa empat musim kot, keqana kita ni dua musim, sebab benda tu jatuh ke tanah kita ni dia jadi lain (gangguan bunyi). Ha (sambil mengerutkan dahi) kalau

**NSS : Faham -- (mengangguk)**



SS : Zat-zat besi apa macam tu kot, kan. Tu yang jadi berkualiti tu besi kita (mengangguk dan pergerakan tangan)

**NFAH : Betui.**

SS : Depa pun ada, bukan depa takdak. Tapi kualiti tu (gangguan bunyi). Kualiti tu kita yang -- hebat bijih besi (berdehem dan gangguan bunyi).

**NSS : Okey Kirin [Nur Farahin binti Abu Hassan] ada lagi dak?**

**NFAH : Qasanya (gangguan bunyi) takdak dah kot InsyaAllah.**

**NSS : (Gangguan bunyi) Qasanya tu ja kot, kan.**

**NFAH : Qasanya boleh sampai ini ja kot Che Din [Shahabuddin bin Sabu] kita punya *interview* [temubual], sebab Che Din [Shahabuddin bin Sabu] dah menjawab semua persoalan-persoalan kami -- punya.**

SS : (Tersenyum).

**NSS : Alhamdulillah (ketawa kecil).**

**NFAH : Tu la, okey Wanie [Nurul Syazwanie binti Mohd Sofian] nak baca skrip penutup.**

**NSS : Okey. Kalau takdak apa-apa saya baca skrip penutup noh.**

SS : Ha okey --.

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai warisan kesenian keris bersama Encik Shahabuddin bin Sabu. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan kesenian keris dan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

## **6.0 LOG TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMU BUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
01.10-02.53	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Shahabudin bin Sabu</li> <li>➤ Berumur 45 tahun</li> <li>➤ Mempunyai tiga orang adik-beradik</li> </ul>
02.54-03.20	Sejarah dan tahap pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sekolah rendah padang kota</li> <li>➤ Melanjutkan pelajaran sehingga peringkat sekolah menengah</li> <li>➤ Tidak melanjutkan pelajaran sehingga peringkat tinggi</li> </ul>
03.21-06.03	Faktor menceburi bidang keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Meminati bidang keris sejak zaman sekolah</li> <li>➤ Bidang keris tidak diwarisi oleh keluarga beliau</li> <li>➤ Diwariskan kepada anak</li> <li>➤ Belajar membuat keris secara tersendiri</li> <li>➤ Mendaftar ke kraf tangan pada tahun 2010</li> </ul>
06.04-08.21	Definisi dan ciri-ciri keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris adalah merupakan senjata dan separa senjata</li> <li>➤ Keris mempunyai lekuk</li> <li>➤ Keris juga mempunyai bentuk lurus</li> </ul>
08.22-09.12	Asal usul keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris berasal dari Nusantara</li> <li>➤ Digunakan oleh bangsa Melayu</li> </ul>
09.13-11.45	Proses pembuatan keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris dibuat dengan menggunakan tiga jenis besi</li> <li>➤ Besi dilipat untuk membuat keris</li> <li>➤ Keris berlekuk disebabkan tujuan untuk meletakkan racun atas permukaan keris.</li> </ul>
11.46-12.51	Peralatan yang digunakan semasa membuat keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menggunakan dapur untuk menempa besi</li> <li>➤ Menggunakan arang api dan gas untuk melembutkan besi</li> </ul>

12.52-13.40	Tempoh yang diambil untuk membuat keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memerlukan masa yang panjang untuk membuat keris</li> <li>➤ Hari pertama digunakan untuk melipat dan mengetuk besi</li> </ul>
13.41-14.39	Jenis-jenis keris yang dibuat	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membuat dua jenis keris iaitu keris lekuk dan keris lurus</li> <li>➤ Mempunyai fungsi yang sama</li> </ul>
14.40-17.55	Cara penggunaan dan pemakaian keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris merupakan aksesori bukan sahaja dilihat sebagai senjata</li> <li>➤ Keris tidak boleh dimiliki/digunakan oleh semua sekiranya dia bukan bangsa Melayu</li> <li>➤ Memakai keris di pinggang untuk menaikkan seri atau aura segak.</li> <li>➤ Keris diselitkan di pinggang mengikut keselesaan pemakai.</li> </ul>
18.04-21.22	Cara penjagaan keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menggunakan minyak untuk disapukan ke atas keris.</li> <li>➤ Sekiranya keris berkarat menggunakan cuka makan</li> <li>➤ Pada zaman dahulu, keris dibasuh menggunakan limau.</li> <li>➤ Menggunakan cairan anti karat wd-40</li> <li>➤ Keris mampu bertahan secara lama sekiranya dipegang dengan cara yang betul.</li> </ul>
21.24-22.25	Cara pemegangan keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris dipegang dengan menggunakan kuku di bahagian ibu jari.</li> <li>➤ Tidak memegang keris dengan menggunakan tangan secara terus.</li> </ul>
22.27-26.06	Cara mengenal pasti keris tersebut asli mahupun tidak	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris kodi adalah merupakan keris percuma dibuat untuk perniagaan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kualiti keris berdasarkan dengan ketelitian terhadap seni</li> <li>➤ Menggunakan besi-besi terpakai</li> <li>➤ Mempunyai logam berbeza</li> </ul>
26.08-30.04	Fungsi dan jenis hulu keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hulu keris digunakan sebagai senjata dan dipegang</li> <li>➤ Hulu jawa demam merupakan hulu yang terkenal</li> <li>➤ Setiap negeri mempunyai hulu keris yang berbeza</li> <li>➤ Setiap hulu mempunyai identiti tersendiri</li> <li>➤ Hulu keris dibuat daripada kayu keras</li> </ul>
30.06-33.03	Cara memegang hulu keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mempunyai cara pegangan tersendiri</li> <li>➤ Hulu keris boleh dipusing bagi tujuan memudahkan untuk memusingkan hulu menghadap ke bahagian depan mahupun ke belakang</li> <li>➤ Hulu bahagian depan bermaksud berada dalam keadaan bersedia</li> <li>➤ Hulu bahagian belakang bermaksud ketika menghadap raja.</li> </ul>
33.04-36.52	Jenis kayu yang digunakan untuk membuat hulu keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menggunakan kayu Kemuning, kayu Kenaung</li> <li>➤ Menggunakan kayu terpilih</li> <li>➤ Setiap kayu mempunyai kelebihan tersendiri</li> <li>➤ Menggunakan kayu yang diambil dari Kelantan dan Pahang</li> </ul>
36.56-43.44	Cara membuat hulu dan sarung keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menggunakan pemotong kayu untuk memotong kayu</li> <li>➤ Terdapat bahagian yang perlu menggunakan kikir</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Setiap bahagian hulu keris menggunakan peralatan yang berbeza</li> <li>➤ Menggunakan teknik tebuk untuk menebuk bahagian sarung keris</li> <li>➤ Setiap bahagian keris menggunakan kayu yang berbeza</li> </ul>
44:00-44:50	Kayu popular	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kayu Kemuning Emas.</li> <li>➤ Berfungsi untuk memotong bisa.</li> </ul>
44:57-45:31	Harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Harga keris ditetapkan megikut gred kayu.</li> </ul>
45:40-45:50	Jenis identiti keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Lebih kepada identiti keris utara.</li> <li>➤ Keris utara tidak mempunyai banyak ukiran.</li> </ul>
45:54-46:16	Perbezaan keris dan pisau lapah	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berbeza dari segi ukiran.</li> <li>➤ Berbeza dari segi bilah.</li> <li>➤ Pisau lapah lebih kepada ukiran halus.</li> </ul>
47:50-48:34	Cabaran terhadap pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menceritakan serba sedikit tentang keris kepada pelanggan sebelum proses pembuatan diteruskan agar tidak berlaku kesalah fahaman.</li> <li>➤ Pelanggan akan bertanya kepada mereka yang pernah menggunakan servis Encik Shahabuddin dalam pembuatan keris.</li> </ul>
48:45-49:25	Masa pembuatan keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sebilah keris mengambil masa tiga hingga empat bulan untuk siap.</li> <li>➤ Paling awal seminggu.</li> <li>➤ Pembuatan mengikut giliran tempahan.</li> </ul>
51:54-53:41	Masalah semasa PKP	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tempahan berkurang</li> <li>➤ Hanya yang mampu yang akan tempah keris atau pisau.</li> <li>➤ Cari alternatif lain untuk tingkatkan semula tempahan.</li> </ul>

53:44-54:48	Cara mengatasi masalah semasa PKP	➤ Dibantu oleh Jabatan Kraftangan Negeri Perlis mempromosikan tempahan di dalam aplikasi Shopee dan laman web rasmi mereka.
55:40-56:30	Cara mempromosikan tempahan keris dan pisau	➤ Mempromosikan tempahan di aplikasi Facebook SBS Karyakraf dan Whatsapp. ➤ Facebook SBS Karyakraf ditubuhkan pada tahun 2009.
58:49-59:26	Media	➤ Disiarkan dalam Panorama TV1 yang bertajuk Golok Kedah.
59:28-1:02:20	Golok	➤ Golok Kedah dan Golok Gembala Gajah
1:04:40-1:05:40	Surat khabar	➤ Dipaparkan di dalam surat khabar Metro pada tahun 2009.
1:05:58-1:07:08	Buku	➤ Buku berkaitan senjata melayu yang diterbitkan oleh Prof. Dr. Mua'ti @ Zamri Ahmad, Pensyarah Bidang Penyelidikan Universiti Putra Malaysia.
1:07:14-1:08:35	Pameran	➤ Pameran dianjurkan oleh Jabatan Kraftangan Negeri Perlis. ➤ Pameran diadakan dua atau tiga kali setahun.
1:08:39-1:09:10	Sijil	➤ Mendapat sijil penghargaan daripada Jabatan Kraftangan Negeri Perlis sebagai 'Tokoh Utara'.
1:09:57-1:10:30	Berkolaborasi	➤ Berkolaborasi bersama rakan pertukangan.
1:10:42-1:12:33	Kesan siaran media tentang keris kepada masyarakat	➤ Masyarakat lebih mengenali keris dan mengetahui perbezaan keris dan pisau. ➤ Membuat pameran di sekolah untuk memperkenalkan keris Melayu kepada pelajar.
1:13:00-1:14:20	Sumbangan keris kepada masyarakat	➤ Masyarakat tahu beza keris, cara pemakaian dan penggunaan yang betul.

1:14:37- 1:16:41	Harapan tokoh terhadap bidang keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kaum Melayu perlu menyimpan sekurang-kurangnya sebilah keris di rumah masing-masing.</li> <li>➤ Tujuan tersebut adalah untuk memperingati bahawa keris tersebut merupakan punca kemenangan orang dahulu mengekalkan warisan Melayu.</li> <li>➤ Untuk menyemai nilai keberanian dalam diri bangsa melayu.</li> </ul>
1:17:00- 1:20:25	Keris membawa imej Melayu di peringkat tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kita perlu mengekalkan pemakaian busana Melayu yang lengkap agar dipandang hebat oleh masyarakat lain.</li> <li>➤ Mempertahankan tulang belakang sejarah Melayu sebagai bangsa yang hebat.</li> </ul>
1:20:27- 1:22:03	Kelemahan merekod sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak mempunyai rekod untuk membuat keris.</li> <li>➤ Kita perlu mencatat setiap perkara agar ilmu dapat disampaikan kepada generasi akan datang.</li> </ul>
1:24:45- 1:25:40	Usaha untuk memartabatkan semula keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak semestinya perlu mahir dalam bidang pertukangan, namun perlu memiliki sekurang-kurangnya sebilah keris.</li> <li>➤ Perlu mengenal maksud dan nilai keris.</li> </ul>
1:26:44- 1:34:18	Pantang larang pemakaian keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mempunyai perkara yang perlu dijaga</li> <li>➤ Adab yang perlu dijaga ketika memakai mahupun menggunakannya</li> <li>➤ Tidak mencium bahagian keris tetapi mencium ibu jari</li> <li>➤ Mencium sebagai tanda hormat kepada senjata</li> <li>➤ Keris dicorakkan oleh manusia</li> </ul>
1:34:26- 1:44:31	Rahsia keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Keris mempunyai keseimbangan disebabkan hulu keris</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak mempunyai keperluan dalam proses penempaan besi keris</li> <li>➤ Keris tidak mempunyai sifat hidup atau semangat</li> <li>➤ Hulu keris penawar hitam merupakan penawar dan membantu menyembuhkan luka</li> </ul>
1:44:40- 1:47:35	Keris Taming Sari	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kehebatan keris Taming sari terbahagi tiga bahagian iaitu pemakai keris (Hang Tuah), yang kedua kehebatan bilah keris, dan yang ketiga kehebatan pada batu permata keris Taming Sari.</li> </ul>
1:52:19- 1:54:20	Persatuan Keris	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Persatuan keris berdaftar yang mempertahankan keris dipamer dan diperkenalkan kepada masyarakat.</li> <li>➤ Membuat pameran senjata-senjata Melayu bersama busan Melayu.</li> <li>➤ Memberi pendedahan awal kepada anak-anak supaya lebih mengenali keris.</li> </ul>
1:54:22- 1:55:33	Kepentingan kajian	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Lebih mengenali keris dengan lebih luas.</li> <li>➤ Masyarakat telah sedar kewujudan keris.</li> <li>➤ 31 Ogos lambang kemerdekaan Malaysia.</li> </ul>
1:56:18- 1:57:32	Kehebatan orang Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Membuat senjata seperti pistol dan meriam sebagai bahan untuk mempertahankan negara pada suatu ketika dahulu.</li> </ul>
2:00:07- 2:01:15	Tempat bijih besi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kawasan Merbok, Kedah</li> <li>➤ Lembah Bujang, Kedah.</li> </ul>
2:01:34- 2:03:35	Perbezaan keris Melayu dan pedang samurai Jepun	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pedang Samurai diperbuat dari bijih besi</li> <li>➤ Keris diperbuat dari besi terpakai.</li> <li>➤ Kualiti yang berbeza</li> </ul>
2:03:41- 2:05:02	Penutup	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Skrip penutup</li> </ul>

## **7.0 RALAT**

## 7.0 RALAT

Temu bual kearifan warisan kesenian keris ini telah dijalankan bersama tokoh Encik Shahabuddin bin Sabu yang merupakan penggiat seni ukiran dan pertukangan besi. Sesi temu bual ini dijalankan secara atas talian di platform Google Meet dan berlangsung pada 17 Jun 2021. Kami bersyukur kerana sesi temubual ini berjalan dengan lancar dengan izin Tuhan. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang temubual ini berlangsung. Antara gangguan yang dapat dikesan adalah seperti yang telah tersenarai di bawah:

- Gangguan bunyi signal
- Gangguan bunyi burung
- Gangguan bunyi cicak
- Gangguan suara orang ketiga
- Gangguan bunyi angin
- Gangguan bunyi cengkerik
- Gangguan bunyi notifikasi telefon mudah alih

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan, namun secara keseluruhannya temubual ini berjalan dengan baik dan lancar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat iaitu Encik Shahabuddin bin Sabnu atas kerjasama dan ilmu yang telah diberikan.

## **8.0 GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

31 ogos	Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu merupakan peristiwa pengumuman kemerdekaan Tanah Melayu
Aceh	Aceh adalah merupakan salah satu daerah di Indonesia
Aksesori	Bahagian yang merupakan tambahan kepada sesuatu alat
Alam roh	Alam kubur yang membatasi antara dunia dan akhirat.
Asid	Sebatian kimia yang terkenal dengan sifat masamnya dan mengkakis.
Aura	Suasana atau perasaan halus yang menyelubungi diri seseorang
Baju Melayu	Pakaian kebangsaan bagi kaum lelaki di Malaysia.
Belanda	Sebuah negara di barat laut benua Eropah.
Besi baja	Pancalogam keras yang dibuat daripada campuran besi dengan karbon
Besi putih	Besi yang mempunyai bahan besi cor putih mengandungi kurang daripada 4.3% karbon dan kurang silikon.
Besi tawar	Besi yang bersifat lembut
Biji besi	Batu atau galian dari mana besi metalik diekstraksi untuk kegunaan komersil.
British	Ciri-ciri Britain atau mana-mana penduduk pribumi, warganegara, atau penduduk United Kingdom.
Burma	Sebuah negara di Asia Tenggara.

Busana melayu	Baju tradisional Melayu yang mempunyai daya penarik tersendiri dan unik selain satu-satunya jenis pakaian tradisi yang mampu membuatkan si pemakainya kelihatan segar.
Candi	Candi adalah kuil Hindu atau Buddha di Indonesia
Covid-19	Coronavirus (Cov) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-Cov dan SARS-Cov.
Cuka makan	Sejenis cecair yang sebahagian besarnya terdiri dari sebatian asid asetik dan air, asid asetik dihasilkan melalui pemeraman etanol oleh bakteria asid asetik.
Daun setul	Sejenis tumbuhan pokok dan buahnya kecap, Sandoricum koetjape.
Dinosaur	Reptilia pupus kebanyakan yang bersaiz besar
Ekor Lipas	Nama kasut sarung kering yang berbentuk seperti ekor lipas.
Enam jahanam	Filem Melayu yang diterbitkan oleh Merdeka Film Productions di Malaysia pada tahun 1969 dan diarahkan oleh P.Ramlee
Facebook	Laman web rangkaian sosial dalam talian di mana orang boleh membuat profil, berkongsi maklumat seperti foto dan petikan mengenai diri mereka, dan memberi respons atau pautan ke maklumat yang disiarkan oleh orang lain.
Golok Gembala Gajah	Bahagian bucu yg tajam di hujung bilah digunakan utk mencucuk kepala gajah semasa mengendalikannya. Golok

ini juga digunakan utk memotong ranting-ranting pokok semasa gembala menunggang gajah.

Golok Kedah	Pisau golok yang berasal daripada negeri Kedah.
Google	Enjin pencarian mencari maklumat mengenai seseorang atau sesuatu di Internet menggunakan mesin pencari Google.
Google Maps	Google Maps akan menampilkan gambar lokasi jalanan dan tingkat kemacetan lalu lintas yang ada di seluruh dunia. Bahkan Google Maps sendiri menyediakan bentuk ataupun rupa dari planet sehingga bumi dan juga detail di yang ada di dalamnya.
Hadis	Sumber penting dalam Islam berdasarkan peranan dan pengaruh besar selepas al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW
Hang tuah	Pahlawan yang tinggal di Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah pada abad ke-15.
Hulu jawa demam	Hulu yang sering digunakan untuk membuat hulu keris yang menyerupai seorang jawa yang bercangkung dan berpeluk tubuh.
Hulu keris	Pegangan atau landaian pada keris
Hulu putih teleng	Hulu yang kelihatan seperti kepala anak ayam yang teleng sedikit
Hulu tajong	Hulu yang diguna pakai untuk pembesar yang muda atau orang bangsawan pada zaman dahulu.

Jawa	Nama sebuah pulau di Indonesia, sekali gus nama bagi semua yang berkait dengan pulau jawa seperti etnik majoriti, bahasa jawa, dan sastera jawa.
Kayu kemuning	Kayu yang berwarna kuning agak kecoklatan dan sering kali digunakan bagi membuat sarung keris.
Kayu kemuning hitam	Kayu kemuning hitam adalah pokok yang mempunyai misterinya tersendiri kerana terasnya hanya dijumpai di kawasan bukit berbatu, tetapi tidak dikenali pokoknya yang hidup.
Kayu Kenaung	Kayu segala raja kerana khasiat yang ada pada pokok lain dan teras lain ada pada teras kenaung
Kayu Sena	Kayu yang berasal daripada pokok sena untuk membuat batang serunai.
Kedah tua	Kerajaan awal terkenal yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu
Kemenyan	Kemenyan adalah getah dari pokok-pokok tertentu yang, ketika membakar , mengeluarkan aroma tertentu
Keris	Senjata bermata dua yang tajam di mana bilahnya lurus dan berkelok-kelok
Keris kodi	Keris yang ditempah secara banyak dalam bilangan sekodi atau 10 bilah bagi tujuan latihan silat
Keris Pekaka	Keris Pekaka ialah ukiran hulu keris yang mempunyai gagang dengan gambar burung Pekaka, di mana gagang dibuat dari kayu, logam dan busur. Keris ini sealunya berasal daripada Patani dan Thailand.



Kitab	Buku suci yang di dalamnya terkandung hal-hal yang berkaitan dengan agama
Kraf tangan	Perusahaan yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan
Kuno	Lama atau tua yang berasal dari zaman dahulu, dahulukala; barang ~ barang yg berasal dr zaman dahulu; masyarakat ~ masyarakat zaman dahulukala; zaman ~ zaman dahulukala, purbakala.
Lekuk	Lekung ke dalam mahupun berkeluk ke dalam
Logam Perak	Logam yg berwarna putih dan berkilat digunakan untuk membuat per-hiasan duit dan lain-lain seperti mangkuk.
Meteor	Sejenis tahi bintang
Metro	Surat khabar harian Metro
Mistik	Amalan kegembiraan keagamaan (pengalaman keagamaan semasa keadaan kesedaran yang bergantian), bersama dengan ideologi, etika, upacara, mitos, legenda, dan sihir yang berkaitan dengannya.
Mudarat	Sesuatu yg merugikan atau membahayakan, kerugian, bahaya: selain Allah, tiadalah kuasa yg mendatangkan manfaat atau ~ kpd diri manusia; memberi ~ me-rugikan;
Muharam	Bulan pertama dalam sistem takwim hijrah
Nasi Apollo Kedah	Nasi kukus yang dikukus secara bertingkat di dalam pengukus yang tinggi. Nasi ini dihidangkan bersama lauk pauk seperti nasi kandar.

Nusantara	Lingkungan pengaruh kebudayaan dan linguistik orang Melayu yang merangkumi kepulauan Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina dan Brunei.
P.Ramlee	Seniman Agung Negara yang juga merupakan seorang penyanyi, pelakon, pemuzik pengarah dan penulis lagu.
Panorama TV1	Siaran televisyen yang memaparkan cerita-cerita mengenai kehidupan masyarakat di dalam saluran TV1.
Parlimen	Majlis tertinggi pembuat undang-undang yg terdiri drpd Dewan Rakyat dan Dewan Negara
Pedang samurai	Pedang panjang yang digunakan oleh penduduk jepun.
Pisau lapah	Pisau atau kapak yang lebar dan lebar digunakan terutamanya oleh tukang daging.
Prof. Dr. Abdul Mua'ti	Pensyarah Bidang Penyelidikan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia.
Rambo	Wira yang berani, agresif dan tidak dapat dikalahkan, tetapi juga ganas dan kejam.
Rome	Merupakan ibu negara Itali
Rukuk	Membongkokkan badan ketika sembahyang
Sampiaq semenanjung	Sampir gaya semenanjung yang berbentuk sampan
Sampir	Sampir atau perahu keris adalah bahagian yang melintang pada sarung keris. Di bawah sampir keris, adalah batang serunai. Pembuatan sampir dari kayu keras itu bertujuan agar sampir dapat menjadi pemegang atau penahan bilah keris dengan kemas dan kukuh agar tidak mudah tercabut

dan jatuh walaupun keris diterbalikkan dan digoncang-goncang.

Sarung keris	Tempat menyimpan keris yang diperbuat daripada kayu
Sekolah Rendah Padang Kota	Sekolah kebangsaan padang kota atau nama ringkasnya SK Padang Kota, merupakan sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di jalan Bintang.
Senjata	Alat yang digunakan untuk berperang atau berkelahi
Taming sari	Nama seorang pendekar Jawa dalam kerajaan Majapahit seperti yang tersebut di dalam Hikayat Hang Tuah.
Tanah jawi	Gelaran kepada Tanah Melayu
Tanjak	Kain yang diikatkan kepada kepala
Tiktok	Perkhidmatan rangkaian sosial berfokus perkongsian video yang dimiliki oleh syarikat China bytedance.
Viral	Sesuatu yang hal kejadian, berita dan lainnya yang menyebar luas dan secara cepat
Wat siam	Kuil atau tokong bagi orang Buddha
Wd-40	Water displacement, 40th formula atau anjakan air, formula yang ke-40.
WhatsApp	Aplikasi pesanan segera lintas platform yang membolehkan pengguna menukar mesej teks dan media melalui peranti mudah alih mereka.

## **9.0 INDEKS**

## 9.0 INDEKS

---

### A

Aksesori · 26, 102

Alternatif · 53, 104

Api · 24

Arab · 59, 85, 96

Asal Usul · 22, 101

Asap Kemenyan · 29

Asas · 12, 19, 23, 80

Asid · 29

Asli · 31, 102, 141

Aura · 14, 39, 68, 77, 89, 90, 102

---

### B

Bahagian · 21, 23, 29, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 62, 75, 80, 81, 86,  
102, 103, 104, 106, 107, 141

Baju Melayu · 14

Bakaq · 24, 25, 72

Bangsa · I, 12, 14, 22, 27, 40, 46, 59, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 74, 75, 85, 92, 93, 94, 101, 102, 106

Barat · 68

Basuh · 29, 45

Batang Serunai · 43, 45

Belah · 21, 28, 36, 44, 45, 54

Belajaq · 18, 20, 52, 72, 76

Bentuk · 12, 14, 23, 24, 32, 34, 35, 36, 60, 98, 101, 149

Berkaqat · 28

Berkilat · 23, 65

Berlawan · 37, 39

Berlekuk · 13, 21, 23, 49, 101  
Besi · 22, 23, 24, 25, 26, 30, 32, 33, 44, 45, 56, 68, 72, 77, 78, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 95,  
96, 97, 98, 99, 101, 102, 103, 107, 109, 137  
Besi Baja · 23  
Besi Liat · 72  
Besi Putih · 72  
Bidang · 1, 6, 17, 18, 19, 51, 75, 99, 101, 106, 137, 138, 140, 142, 144  
Bijih Besi · 95, 97  
Bilah · 21, 23, 25, 29, 31, 33, 41, 44, 45, 47, 49, 50, 64, 76, 77, 80, 86, 104, 107, 142  
Bisa · 47, 77, 83, 84, 104, 144  
Buat · 18, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 33, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 47, 48, 49, 50, 51,  
52, 53, 54, 56, 57, 59, 63, 64, 65, 72, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 94,  
95, 96, 97, 98  
Buku · 26, 55, 59, 61, 62, 64, 91, 134  
Burma · 39  
Busana · 67, 91

---

## C

Cabaran · 50, 53, 142  
Candi · 13, 96  
Canggih · 44  
Ceqita · 22, 26, 32, 33, 40, 43, 44, 45, 46, 47, 49, 50, 51, 54, 56, 58, 59, 61, 62, 65, 66, 67, 68,  
70, 71, 72, 74, 75, 76, 77, 85, 88, 89, 90, 91, 93, 95, 98  
Che Din · 5, 6, 17, 18, 19, 20, 22, 24, 25, 26, 27, 28, 30, 33, 36, 38, 39, 40, 41, 43, 46, 47, 49, 50,  
51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 61, 62, 63, 64, 66, 67, 69, 75, 79, 81, 82, 83, 85, 99, 137  
Ciptaan · 13, 33  
Cium Besi · 77  
*Collector* · 56, 73  
*Cover* · 44  
Covid-19 · 52, 53, 56, 57, 142  
Cuci · 28

Cuka · 28, 29, 30, 102

*Customer* · 49

---

*D*

Daun Setoi · 72

Duit · 33, 49, 52, 53

Dulu · 19, 20, 22, 24, 26, 29, 30, 34, 38, 44, 46, 49, 50, 51, 52, 53, 58, 59, 60, 61, 67, 68, 70, 71,  
72, 73, 76, 82, 83, 84, 85, 87, 88, 89, 90, 91, 93, 95, 96, 98

---

*E*

Ekoq Lipas · 45, 47

Emas · 98

Enam Jahanam · 94

*Event* · 63, 65, 91

---

*F*

Facebook · Iv, 19, 20, 55, 56, 62, 105, 138, 146

Faham · 19, 20, 22, 23, 24, 26, 28, 31, 34, 36, 38, 40, 42, 44, 45, 46, 50, 53, 54, 55, 64, 74, 79,  
81, 82, 83, 87, 89, 90, 98

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi · 62

Falsafah · 12, 78, 79

Fungsi · 9, 25, 26, 34, 45, 48, 102, 141, 142

---

*G*

Gambaq · 52, 54, 55, 56

Garam · 31

Generasi · I, 9, 12, 67, 106, 144

Genggam · 44

Getah · 29, 96

Golok · 58, 60, 62, 105  
Golok Gembala Gajah · 58, 105  
Google · 17, 54, 58, 82, 109, 145, 146, 148  
*Google Maps* · 54  
*Grinder* · 41

---

## *H*

Hang Tuah · 86, 87, 107  
Hantaq · 49, 50, 54, 95  
Harapan · I, 67, 144  
*Hardware* · 30, 66  
Harga · 19, 32, 47, 48, 49, 56, 142  
Hebat · 39, 46, 47, 58, 59, 70, 71, 72, 74, 75, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 93, 94, 95, 99, 106, 144  
*High Value* · 84  
Himpun · Vii, 19  
Hormat · 70, 79, 106  
Hulu · 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 45, 47, 48, 49, 73, 80, 83, 84, 86, 103, 104, 106, 141, 142, 144  
Hulu Patah Tiga · 35  
Hulu Putih Teleng · 35  
Hulu Tanjong · 35  
Hutan · 40, 84, 95

---

## *I*

Identiti · 36, 48, 49, 103, 104  
Indonesia · 13, 22, 32, 33, 34, 94, 95  
Internet · 56, 58, 89  
*Interview* · 56, 57, 99



Isyarat · 18, 19, 23, 24, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 36, 39, 40, 41, 43, 45, 46, 47, 50, 52, 53, 54, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 65, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 74, 75, 77, 80, 81, 82, 83, 84, 86, 93, 94, 96, 97

---

*J*

Jampi Serapah · 80  
Jawa · 13, 22, 34, 35  
Jawa Demam · 34, 35  
Jepun · 10, 27, 69, 75, 97, 107

---

*K*

Kampung · 6, 56, 59, 95  
Kampung Sulong · 59  
Kasut · 42, 47, 67  
Kawan · 32, 44, 52, 53, 58, 64, 71, 75, 87  
Kayu · 5, 37, 38, 39, 40, 41, 44, 45, 46, 47, 60, 63, 81, 83, 84, 103, 104, 137, 138, 141, 142, 144  
Kayu Meqanti · 47  
Kayu Sena · 47  
Keberanian · 14, 69, 89, 90, 106  
Kecederaan · 50, 63, 142  
Kedah · 2, 3, 6, 35, 36, 41, 57, 59, 60, 62, 63, 93, 94, 96, 97, 105, 107, 138  
Kegunaan · 15, 21, 22, 38, 40, 44, 47, 70, 139  
Kelantan · 35, 36, 40, 41, 42, 43, 103  
Kelebihan · 47, 84, 103  
Keluli · 97, 98  
Kemuning Emas · 46, 47, 104  
Kemuning Hitam · 39  
Kenaung · 39, 103  
Kepala · 34, 35, 36, 48, 51, 52, 56, 61, 62, 70, 72, 75, 88  
Kepok · 33

Keqis Kodi · 31, 32

Keris · I, Ii, Iii, 5, 6, 9, 13, 14, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 33, 34, 35,  
36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 49, 51, 54, 56, 57, 58, 62, 63, 64, 66, 67, 68, 69,  
72, 73, 75, 76, 77, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 92, 99, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107,  
109, 131, 132, 133, 134, 138, 140, 141, 142, 143, 144

Keris Pekaka · 39

Keseimbangan · 80

Kesenangan · 68

Kesenian · Iii, 6, 9, 17, 99, 109, 144, 145, 147

Ketuk · 24, 25, 56, 84, 85, 86

Khadam · 79, 80

Khurafat · 30

Kilang · 32, 33, 84, 141

Kraftangan · 54, 63, 105, 138

Kualiti · 32, 33, 99, 142

Kuno · 46, 70, 85

Kursus · 20

---

*L*

Langkah · 79

Lapah · 21, 22, 48, 53, 63, 64, 65, 66, 91, 104

*Layer* · 23

Layoq · 29

*Lecturer* · 62

Lekeh · 71, 73, 74, 75, 93, 94

Lekuk · 21, 25, 37, 101, 102

Lembah Bujang · 96, 107

Lembut · 23, 24

Liku · 51, 142

Limau · 29, 102

Lipat · 23, 25

Logam · 31, 33, 44, 103  
Lubang · 44  
Luka · 39, 50, 84, 107, 142

---

*M*

Majalah-Majalah · 61  
Majapahit · 86  
Makan · 28, 29, 30, 77, 78, 79, 102  
Maklumat · 8, 49, 93, 145, 146, 147, 148  
Malaysia · Iv, 6, 9, 12, 19, 22, 32, 33, 35, 36, 39, 40, 41, 42, 43, 48, 53, 54, 58, 59, 60, 62, 63,  
69, 73, 93, 94, 96, 97, 105, 107, 131, 132, 133, 135, 137, 138, 139, 144  
Masa · I, 8, 12, 13, 14, 19, 24, 25, 34, 38, 49, 50, 53, 55, 56, 57, 58, 61, 68, 71, 75, 90, 95, 98,  
99, 102, 104, 141, 148  
Masalah · 51, 52, 53, 54, 105, 142, 143  
Masyarakat · I, 9, 10, 12, 13, 14, 65, 66, 67, 105, 106, 107, 131, 134, 143, 144  
Melayu · I, 5, 6, 10, 12, 13, 14, 22, 26, 27, 38, 40, 46, 59, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 77, 85,  
89, 91, 92, 93, 94, 95, 101, 102, 105, 106, 107, 131, 132, 133, 134, 137, 144, 146  
